

FYP FTKW

**PAMERAN KOLEKSI : SUATU KAJIAN PENGURUSAN KOLEKSI  
WARISAN BUGIS DI MUZIUM BUGIS, PONTIAN**

**MUHAMAD SYAHRUL NAQIB BIN AHMAD**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**2023**

**MALAYSIA**

**KELANTAN**

**PAMERAN KOLEKSI : SUATU KAJIAN PENGURUSAN  
KOLEKSI WARISAN BUGIS DI MUZIUM BUGIS, PONTIAN**

**OLEH**

**MUHAMAD SYAHRUL NAQIB BIN AHMAD**

**LAPORAN INI DIHANTAR BAGI MEMENUHI KEHENDAK  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN**

**UNIVERSITI**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

**KELANTAN**

## Penghargaan

Setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat-Nya saya telah berjaya menyiapkan kajian penyelidikan ini dengan jayanya dengan mengikuti tempoh masa dan prosedur yang ditetapkan oleh pensyarah. Sekalung penghargaan diucapkan kepada pemandu arah serta penasihat utama dalam menghasilkan kajian penyelidikan ini iaitu pensyarah subjek Projek Penyelidikan II, iaitu Puan Nur Athmar Binti Hashim di atas kesudian beliau dalam menjadi penasihat kajian penyelidikan ini kepada saya dan rakan-rakan seperjuangan daripada awal hingga ke akhir kajian ini dilakukan supaya ianya mendapat kehendak kajian yang dimahuakan. Tanpa tunjuk ajar dan bimbingan daripada beliau, kajian penyelidikan akan mengambil masa yang lama serta tidak dapat dilakukan dengan betul dan tepat. Selain itu, tidak dilupakan kepada para responden borang soal selidik serta pihak Muzium Bugis, Pontian, dan kakitangannya yang membantu dalam memperoleh maklumat yang lebih mendalam dalam menjayakan kajian penyelidikan ini. Pihak yang turut memberikan manfaat adalah daripada pihak Universiti Malaysia Kelantan yang menyediakan segala kemudahan prasarana dan fasiliti yang cukup dan selesa untuk menjayakan kajian ini.

Walaupun secara tidak langsung, penghargaan serta rasa berterima kasih kepada ibu bapa yang berada di kampung yang memberikan didikan moral kepada diri saya untuk sentiasa bersemangat dalam menjayakan kajian ini serta bantuan daripada segi kewangan bagi memudahkan urusan menyiapkan kajian ini. Tanpa keberadaan mereka, saya juga tidak dapat memperoleh peralatan yang diperlukan dalam menyiapkan kajian pada kali ini. Kajian ini telah menambahkan ilmu pengetahuan kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini. Ianya juga merupakan persediaan kepada diri saya dalam menghadapi tugasannya seterusnya pada masa yang akan datang.

## Abstrak

Kajian penyelidikan ini telah dihasilkan oleh pengkaji mengenai pengurusan koleksi warisan Bugis di Muzium Bugis, Pontian. Kajian penyelidikan ini telah menetapkan beberapa objektif kajian bagi mencapai hasil kajian penyelidikan berdasarkan maklumat dan data yang diterima. Kaedah pemerolehan data dan maklumat adalah melalui beberapa kaedah metodologi yang digunakan berdasarkan kesesuaian hasil capaian data dan maklumat. Tujuan menyediakan kajian penyelidikan yang berkaitan dengan tajuk kajian adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai Muzium Bugis yang dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu pengurusan dan kaedah pameran di Muzium Bugis. Penelitian yang diberikan oleh pengkaji terhadap beberapa kaedah permuziuman yang digunakan di Muzium Bugis akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai sistem pengurusan koleksi, kaedah pameran koleksi dan susun atur, kemudahan yang digunakan di Muzium Bugis. Hasil capaian maklumat dan data yang dilakukan oleh pengkaji, penjelasan dan perincian yang telah dilakukan dalam kajian penyelidikan ini memberikan kefahaman terhadap sistem permuziuman yang digunakan di Muzium Bugis.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Abstract

This research study was produced by researchers on the management of the Bugis heritage collection at the Bugis Museum, Pontian. This research study has set several objectives of the study to achieve the results of the research study based on the information and data received. The method of data and information acquisition is through several methodological methods used based on the appropriateness of data and information access results. The purpose of preparing a research study related to the title of the study is to obtain information about the Bugis Museum which is divided into several sections, namely the management and method of the exhibition at the Bugis Museum. The research given by the researchers on several methods of museum used at the Bugis Museum will provide a clearer picture of the collection management system, collection exhibition method and layout, the facilities used at the Bugis Museum. The information and data access results undertaken by the researchers, explanations and details done in this research study provide an understanding of the system used in the Bugis Museum.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	iv
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	vii

## **BAB 1 : PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Permasalahan Kajian.....	4
1.3.1 Kesukaran sistem pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian	4
1.3.2 Kekurangan prasarana dan susun atur bahagian pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian	5
1.3.3 Tahap kepuasan pemerolehan hasil pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian	5
1.4 Persoalan Kajian.....	6
1.4.1 Bagaimanakah sistem pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian ?	6
1.4.2 Apakah pendekatan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis berkesan dalam jangka masa yang panjang ?	6
1.4.3 Apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap hasil pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian ?	6
1.5 Objektif Kajian.....	6
1.5.1 Mengenalpasti sistem pengurusan pameran koleksi yang digunakan di Muzium Bugis, Pontian	6
1.5.2 Memperolehi pendekatan kemudahan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian	6
1.5.3 Mempertingkatkan idea melalui cadangan terhadap pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian	6
1.6 Lokasi Kajian.....	6
1.7 Kepentingan Kajian.....	9
1.8 Skop Kajian.....	10
1.9 Struktur Huraian Bab.....	11
1.10 Rumusan Bab.....	12

**BAB 2 : SOROTAN KAJIAN**

2.0 Pengenalan.....	13
2.1 Pengurusan Muzium.....	14
2.2 Dasar Permuziuman Negara.....	15
2.3 Pertubuhan Muzium Bugis.....	16
2.4 Pengurusan Pemeliharaan Koleksi.....	18
2.5 Tarikan Muzium Bugis.....	19
2.6 Rumusan Bab.....	20

**BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan.....	21
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	21
3.3 Metodologi Kajian.....	22
3.4 Kaedah Pengumpulan Data.....	23
3.4.1 Kaedah Perpustakaan.....	23
3.4.2 Kaedah Internet.....	25
3.5 Instrumen Kajian.....	25
3.5.1 Kaedah Temubual.....	25
3.5.2 Kaedah Soal Selidik.....	26
3.5.3 Kajian Lapangan.....	27
3.5.4 Pemerhatian.....	27
3.6 Rumusan Bab.....	28

**BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan.....	29
4.2 Sistem pengurusan pameran koleksi yang digunakan.....	30
di Muzium Bugis, Pontian	
4.2.1 Pengurusan di Muzium Bugis.....	30
4.2.2 Sejarah penerimaan dan pengumpulan koleksi.....	32
masyarakat Bugis	
4.2.3 Penjagaan koleksi dan artifak di Muzium Bugis.....	34

4.3 Pendekatan kemudahan prasarana dan susun atur pameran koleksi.....	34
di Muzium Bugis, Pontian	
4.3.1 Sejarah perkembangan bangunan Muzium Bugis.....	35
dan suai guna semula bangunan lama kepada baharu	
4.3.2 Pelan Lantai Bangunan Muzium Bugis.....	36
4.3.2 Susun atur dan konsep pameran koleksi di Muzium Bugis.....	37
4.3.3 Kemudahan prasarana dan utiliti di Muzium Bugis.....	40
4.4 Cadangan Idea Pembaharuan Pada Muzium Bugis.....	42
4.4.1 Merangsangkan penggunaan media interaktif.....	42
dalam pameran	
4.5 Analisis Kajian Soal Selidik.....	46
4.5.1 Bahagian A (Profil Responden).....	46
4.5.2 Bahagian B (Mengenalpasti tahap kepuasan pengunjung ..... terhadap Muzium Bugis)	49
4.5.3 Bahagian C (Faktor idea pembaharuan terhadap..... perkembangan Muzium Bugis)	53
4.6 Hasil Perbincangan.....	56
4.5 Rumusan Bab.....	57
<b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>	
5.1 Pengenalan.....	58
5.2 Cadangan.....	58
5.3.1 Menghubungkan capaian masyarakat melalui..... aspek pendidikan	59
5.3.2 Mewujudkan dasar-dasar permuziuman di..... Muzium Bugis	62
5.3 Rumusan Kajian.....	64
<b>RUJUKAN</b> .....	66
<b>LAMPIRAN</b> .....	68

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. SURAT</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Peta Lokasi Kajian	7
Rajah 1.2	Peta Lokasi Kajian	8
Rajah 2.1	Pertubuhan Muzium Bugis	16
Rajah 2.2	Ruang Bahagian Pameran di Muzium Bugis	17
Rajah 3.1	Carta Alir	22
Rajah 3.2	Salasilah Melayu Dan Bugis	24
Rajah 3.3	Muzium Bugis, Pontian	28
Rajah 4.1	Carta Alir Kaedah Penerimaan Artifak	33
Rajah 4.2	Struktur Bangunan Muzium Bugis	35
Rajah 4.3	Pelan Lantai Bahagian Ruang Pameran	36
Rajah 4.4	Ruangan Blok Pameran A	38
Rajah 4.5	Ruangan Blok Pameran B	39
Rajah 4.6	Ruangan Blok Pameran C	40
Rajah 4.7	Televisyen	43
Rajah 4.8	Augmented Reality (AR)	44
Rajah 4.9	Laman Web Rasmi	45

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kajian penyelidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda ini telah memberikan tumpuan terhadap pengurusan pameran koleksi yang dilakukan di Muzium Bugis yang menempatkan pelbagai jenis artifak masyarakat Bugis dan maklumat mengenai masyarakat Bugis yang terdahulu. Melalui kajian yang dilakukan, perkara ini merujuk kepada setiap bab yang didahului dengan latar belakang kajian dan lokasi kajian yang difokuskan bagi memperoleh maklumat mengenai sejarah asal usul dan penubuhan Muzium Bugis. Pengutipan data yang dilakukan dalam kajian ini menentukan hala tuju dan tujuan penyelidikan serta hasil perolehan cadangan dalam menghasilkan penyelidikan yang berstruktur. Pengumpulan data dan maklumat yang diambil ini juga adalah daripada sumber yang sahih untuk menghasilkan suatu pencapaian kajian yang memuaskan. Kajian yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat mengenai pengurusan pameran koleksi yang dijalankan di Muzium Bugis melalui pemerolehan idea dalam beberapa aspek seperti sistem penyelenggaraan dan kaedah pameran koleksi yang digunakan. Perbincangan bab ini diteruskan dengan permasalahan kajian yang berlaku terhadap kajian-kajian terdahulu yang menemukan penyelesaian, penjelasan serta ilmu baru yang menjadi faktor penyumbang kepada persoalan, objektif dan kepentingan kajian melalui skop kajian yang ditetapkan.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Melalui kajian yang dijalankan terhadap pengurusan pameran koleksi warisan bugis di Muzium Bugis, Pontian, konsep budaya dan kesenian masyarakat bugis telah dipamerkan dengan kepelbagaian koleksi dan warisan yang diamalkan oleh masyarakat bugis pada zaman dahulu. Melalui sejarah masyarakat Bugis terdahulu, Suku Bugis atau Bugis berasal dari kepulauan Sulawesi di Indonesia dengan populasi tiga juta dan mendiami hampir semua kawasan di Sulawesi Selatan. Penaklukan Belanda pada abad ke-17 menyebabkan mereka berhijrah dan bercampur dengan suku kaum lain di Jawa, Sumatera, Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak (<https://borneohistory57.blogspot.com>) Borneo History, 21 April 2016.

Aktiviti perdagangan aktif mereka adalah menjual kemenyan dan rempah ratus. Penghijrahan orang Bugis ke Tanah Melayu adalah kerana kejatuhan kerajaan Makassar dan menyebabkan mereka berpindah ke Tanah Melayu seperti Selangor dan Johor (<http://jurnalarticle.ukm.my/359/1/1.pdf>) Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis ke Tanah Melayu, Rahilah Omar, 2009. Orang Bugis telah menetap dan menubuhkan institusi kekeluargaan kepada generasi sekarang. Orang Bugis juga mempunyai adat resam, kepercayaan, bahasa dan tulisan yang merupakan satu warisan yang unik. Tambahan pula, kewujudan orang Bugis di Tanah Melayu seperti di Johor telah menjadikan peninggalan artifak dan khazanah lama masyarakat Bugis telah banyak diperolehi. Perkara ini telah diambil oleh Kerajaan Johor dalam mewujudkan sebuah muzium yang menyimpan dan memelihara koleksi orang Bugis agar ia menjadi simbolik dan dapat dilihat oleh masyarakat hari ini.

Muzium Bugis pada asalnya diasaskan pada tahun 1982 sebagai Warisan Bugis. Pada 26 Julai 1994, Muzium Bugis yang terletak di Pontian, Johor telah diasaskan oleh Allahyarham Abdullah bin Ahmad atau dikenali sebagai Tok Dollah yang menghimpunkan barang koleksi yang mempunyai nilai warisan sejarah etnik Bugis di negeri Johor khususnya di daerah Pontian. Kerajaan Johor menyokong muzium itu melalui Yayasan Warisan Johor dan mengisytiharkan muzium itu sebagai muzium Bugis pertama di Malaysia. Pada Oktober 2016, Gabenor Sulawesi Selatan, Syahrul Yasin Limpo melawat muzium tersebut dan bertemu dengan penduduk Bugis tempatan dan berharap hubungan kaum Bugis dengan negara yang berbeza dapat dikekalkan (<https://www.mdPontian.gov.my/ms/muzium-bugis-0>).

Seterusnya, melalui kajian yang telah dilakukan terhadap Muzium Bugis ini, pelbagai kaedah pengurusan pameran koleksi yang telah dilakukan oleh para kurator bagi memastikan pameran koleksi masyarakat bugis ini berada dalam tahap yang memuaskan . Muzium ini telah didaftarkan di Jabatan Warisan Negara (JWN) yang mengawal dan menjaga sepenuhnya oleh pekerja yang berpengetahuan dalam menguruskan penjagaan koleksi. Melalui kajian ini, kaedah pengawetan yang dilakukan terhadap koleksi akan dapat dilihat termasuk penggunaan alatan penyimpanan dan kaedah pameran koleksi yang digunakan di muzium ini. Kajian ini dapat melihat perbezaan kaedah pameran koleksi berbanding muzium lain yang menggunakan kaedah

tersendiri. Kajian ini juga tertumpu kepada pendedahan maklumat yang terperinci tentang koleksi yang terdapat di muzium ini.

Kaedah pameran ini meliputi fungsi serta wahana penting kepada sesebuah muzium untuk mengekal, mengumpul dan menyebarkan maklumat mengenai warisan sejarah dan budaya. Selain itu, pameran berfungsi sebagai satu cara komunikasi kepada pengunjung dalam menyampaikan maklumat, idea dan emosi mengenai bukti material manusia serta persekitaran, melalui tayangan secara visual (<http://www.jmm.gov.my/ms/content/pameran>). Antara strategi dalam mendapatkan hasil pameran yang terbaik adalah mementingkan aspek susun atur bahagian pameran, sudut prasarana dan mendapatkan strategi menaiktaraf hasil pameran yang memuaskan. Kaedah pameran ini amatlah penting kerana ianya menentukan daya kreativiti dalam menarik perhatian pengunjung dengan melihat kreativiti susunan artifak. Peralatan yang digunakan dalam muzium juga harus dititikberatkan kerana ianya akan menjaga ketulenan artifak daripada mengalami kerosakan. Perkara ini haruslah disokong oleh pihak yang berkepentingan serta berpengetahuan dalam menguruskan khazanah lama melalui penaikan taraf prasarana yang lebih bermutu tinggi.

Penjagaan koleksi di Muzium Bugis ini telah diselenggarakan dengan sistem penjagaan serta melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara dengan tambahan sokongan pihak berkepentingan melalui penyediaan prasarana dan alat kawalan penjagaan koleksi. Menurut Isabel Briggs Myers, Prawiro, 2021, pameran ialah aktiviti yang melibatkan bilik atau galeri dan mempamerkan hasil seni seperti lukisan, ukiran, gambar, dan karya lain. Pameran merupakan suatu perkara yang harus dikekalkan oleh sektor permuziuman terutama dalam mengekalkan tahap tayangan koleksi yang memuaskan disamping menjadikan koleksi dikenali melalui informasi dan maklumat yang kompleks. Selain dari itu, pengekalan teknologi yang tinggi harus diberikan perhatian kerana ianya merupakan teknologi multimedia yang dapat menarik ramai pengunjung di muzium untuk mendapatkan idea yang lebih jelas mengenai maklumat sesuatu koleksi.

Muzium Bugis ini adalah berada di Kampung Rambah yang merupakan sebuah kampung yang berada di Sungai Rambah, Pontian berkedudukan pada barat daya Johor, Malaysia. Kedatangan masyarakat Bugis ke Tanah Melayu ini disebabkan kekerapan

mereka merantau sehingga menimbulkan ikatan pertalian dan tali temali kebudayaan, ianya telah berlaku sekurang-kurangnya sejak zaman kesultanan Melayu Melaka. Pada abad ke-17 sudah terdapat pemukiman orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu, namun kedatangan mereka dalam jumlah yang besar berlaku pada kolonial Inggeris khususnya suku akhir abad ke-19. Masyarakat Bugis masih dapat dikesan sehingga sekarang iaitu di kawasan mukim dan perkampungan serta masih mengamalkan adat dan tradisi dengan berteraskan agama Islam. Kajian ini dilakukan di dalam kawasan Muzium Bugis dengan melibatkan pegawai dan staf yang berkhidmat di Muzium Bugis untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai kaedah pameran yang diterapkan. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengenalpasti kekurangan yang boleh ditambahbaik melalui penyelidikan yang dijalankan secara sistematik dan tersusun di dalam kajian ini.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

#### **1.3.1 Kesukaran sistem pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian**

Pengkaji akan menghuraikan hubungan antara pengurusan pameran koleksi terhadap artifak dengan perbandingan kaedah pengurusan lama yang mempunyai masalah tertentu. Pihak Muzium Bugis di Pontian telah melakukan pelbagai kaedah pameran koleksi yang harus dikawal dengan kaedah yang betul. Kaedah ini juga boleh melihat kepada kawalan sistem pengurusan yang ditentukan sama ada keadaan persekitaran sesuai dilakukan dengan kaedah tertentu. Melalui kajian ini, kajian akan meninjau masalah yang dihadapi iaitu sistem pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian bagi mendapatkan hasil penjagaan dan penyelenggaraan kualiti koleksi yang berterusan. Pengkaji juga meneliti pemilihan peralatan penyimpanan dan pameran mengenai alam sekitar di ruang muzium akan menentukan kualiti artifak daripada mengalami kerosakan.

### **1.3.2 Kekurangan prasarana dan susun atur bahagian pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian**

Seterusnya, pengkaji telah melihat impak pendekatan prasarana dan susun atur bahagian pameran koleksi yang mempengaruhi daya tarikan pengunjung di Muzium Bugis. Ini kerana, susun atur yang disediakan oleh pihak muzium didapati menggunakan kaedah penyusunan lama dan ianya masih mampu dinaiktaraf dengan penganalisan yang betul terhadap susun atur bahagian pameran. Prasarana yang disediakan juga perlu diatasi kerana saiz ruangan yang harus dijadikan dengan lebih kompleks dan selesa kepada pengunjung. Pengkaji akan memperincikan ruangan pameran dan kemudahan yang mempengaruhi bahagian pameran ke arah yang lebih baik.

### **1.3.3 Tahap kepuasan pemerolehan hasil pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian**

Seterusnya, pengkaji telah memfokuskan kajian kepada masalah yang dihadapi oleh pihak Muzium Bugis untuk meningkatkan tahap yang memuaskan dalam memperoleh hasil pameran yang memuaskan. Perkara ini adalah jelas dapat dilakukan melalui hasil pemerolehan idea dan identifikasi terhadap kekurangan yang dihadapi di Muzium Bugis, Pontian. Ini dapat memperincikan kaedah pemberian koleksi serta ruang muzium yang bersesuaian untuk mengekalkan kualiti pameran koleksi. Ini juga termasuk pencahayaan, suhu dan kelembapan yang terdapat di ruangan muzium bagi menentukan kualiti koleksi. Pengkaji akan memperincikan faktor kerosakan termasuk pemeriksaan ruang muzium seperti kawalan suhu dan sebagainya. Selain itu juga, penggunaan teknologi multimedia kepada infografik pameran akan diutamakan dengan menambah baik pulih daya tarikan pengunjung yang lebih menarik terhadap maklumat dan informasi mengenai koleksi.

## 1.4 Persoalan Kajian

Melalui penyelidikan yang dilakukan, terdapat beberapa persoalan yang diusulkan oleh pengkaji, antaranya adalah :

1.4.1 Bagaimanakah sistem pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian ?

1.4.2 Apakah pendekatan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis berkesan dalam jangka masa yang panjang ?

1.4.3 Apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap hasil pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian ?

## 1.5 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian yang digariskan oleh pengkaji :

1.5.1 Mengenalpasti sistem pengurusan pameran koleksi yang digunakan di Muzium Bugis, Pontian


1.5.2 Memperolehi pendekatan kemudahan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian

1.5.3 Mempertingkatkan analisis melalui cadangan terhadap pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian

## 1.6 Lokasi Kajian

Kajian yang dilakukan adalah berfokuskan kawasan yang tertentu melalui persekitaran masyarakat Bugis yang berada di daerah Pontian, Johor. Nama Pontian juga digunakan dalam nama dua pekan di daerah itu, Pontian Besar dan Pontian Kechil, yang mana kedua bandar tersebut menjadi ibu kota daerahnya. Pontian juga merupakan daerah yang disebut “Penghujung Benua Asia” kerana adanya Tanjung Piai yang

menjadi titik paling selatan Semenanjung Malaysia dan berada di selatan tanah besar Eurasia (<https://ms.birmiss.com/titik-selatan-eurasia-cape-tanjung-piai/>). Melalui kajian ini, penglibatan masyarakat Bugis juga diambil bagi melihat pengekalan adat dan tradisi yang masih relevan sehingga kini kerana ianya akan memberikan impak terhadap perkembangan koleksi di Muzium Bugis. Muzium Bugis ini merupakan kawasan yang terletak di Pantai Rambah, Kukup, Pontian.




Rajah 1.1

#### Kawasan Daerah Pontian

Sumber :

[https://documen.site/download/profil-daerah-1807\\_pdf](https://documen.site/download/profil-daerah-1807_pdf)

Lokasi diambil daripada gambaran Wikipedia dalam Rajah 1.1 yang menunjukkan kawasan daerah Pontian. Melalui kajian, bilangan jumlah populasi penduduk di daerah Pontian setakat Mei, 2022 dianggarkan berjumlah 219,992 orang dengan umur median pada umur 30 tahun. Daerah Pontian ini diduduki oleh masyarakat berbilang kaum iaitu Cina, Melayu dan India dan sebilangan lainnya adalah berbeza etnik, purata penduduk masyarakat Melayu adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 70.9 % (<https://ms.zhujiworld.com/my/971147-daerah-pontian/>)




Rajah 1.2

Kawasan Dun Kukup

Sumber :

[https://www.google.com/maps/search/kawasan+daerah+kukup+pontian/@1.5147563,  
103.1035079,10z/data=!3m1!4b1](https://www.google.com/maps/search/kawasan+daerah+kukup+pontian/@1.5147563,103.1035079,10z/data=!3m1!4b1)



Lokasi diambil daripada gambaran Google Maps melalui Rajah 1.2 yang menunjukkan kawasan dun Kukup. Melalui lokasi kajian, Pulau Kukup merupakan kawasan pedalaman terpencil yang berubah pada 1990-an apabila saintis mula menumpukan pada biodiversiti pulau itu dengan ciri ekologi yang unik. Demi memelihara habitat unik ini, Pulau Kukup telah diwartakan sebagai taman negara pada 27 Mac 1997 di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negeri Johor 1989, Berita Harian, Nor Afzan Mohamad Yusof, 13 Disember 2018.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dilakukan terhadap pengurusan pameran koleksi warisan Bugis di Muzium Bugis, pengkaji akan menghuraikan mengenai faktor terpenting yang telah digariskan oleh pengkaji bagi mengenalpasti kesan yang baik terhadap pameran koleksi yang mampu dipertingkatkan dengan sokongan idea pemerolehan yang baharu. Pengurusan pameran koleksi yang dijalankan di Muzium Bugis ini adalah melalui konsep pameran terdahulu, kepentingan dalam menaik taraf konsep pameran koleksi yang lebih memuaskan adalah amat diperlukan kerana ianya dapat mengekalkan kualiti pameran seiring konsep yang maju dalam sektor permuziuman kini.

Antara kepentingan yang digariskan oleh pengkaji dalam usaha mempertingkatkan kualiti pameran koleksi di Muzium Bugis ini adalah dapat memperoleh sistem pengurusan pameran koleksi yang memuaskan dalam jangka masa panjang. Hal ini dapat dilihat dengan kaedah pengurusan yang dipertingkatkan memberi impak yang baik terhadap struktur pembangunan dan inovasi pameran yang lebih bersepadu. Perkara ini juga dapat diperkembangkan daripada segi teknologi yang kian membangun dengan dapat mengubah landskap muzium ke arah yang lebih maju, pameran koleksi juga akan memperoleh kesan yang baik dengan keunikan dan kreativiti yang tersendiri.

Selain itu, kepentingan yang seterusnya dalam menjalankan kajian ini adalah memperkembangkan pendekatan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis, hal ini harus dititikberatkan kerana bahagian susun atur ‘layout’ adalah begitu penting bagi menghasilkan ruangan yang kompleks seperti sudut yang pelbagai didalam ruang pameran. Ruangan yang kompleks ini amatlah penting bagi menjaga bahagian di setiap ruangan muzium dan ianya haruslah diperkembangkan mengikut kesesuaian dan rekomendasi oleh pihak yang berpengetahuan. Kemudahan prasarana yang dipertambah baik akan memberikan kesan terhadap keselesaan dan ruangan yang kondusif kepada pengunjung.

Kepentingan kajian ini juga akan memperoleh cadangan idea baharu terhadap kaedah pameran koleksi di Muzium Bugis. Perkara ini amatlah penting untuk diterapkan antaranya terhadap perkembangan fungsi penjagaan muzium seperti peralatan penjagaan koleksi dan tahap kawalan ruangan muzium, ini boleh dilihat

dengan kualiti penjagaan koleksi yang perlu dipertingkatkan daripada masa ke semasa dengan mementingkan kawalan seperti pencahayaan dan suhu ruangan muzium bagi mengekalkan kualiti artifak pada tahap yang memuaskan. Penambahan idea yang baru ini dapat meningkatkan tahap kawalan yang lebih memuaskan terutama terhadap pameran koleksi yang dapat dikaitkan untuk memperoleh penghasilan ruangan pameran koleksi yang terbaik.

### 1.8 Skop Kajian

Melalui kajian yang dijalankan terhadap pengurusan pameran koleksi Bugis di Muzium Bugis, pengkaji telah memfokuskan kajian dan mengehadkan skop geografinya di Pontian, Johor. Batasan skop ini adalah disebabkan konsep seni dan budaya yang hanya tertumpu kepada masyarakat Bugis yang tinggal di daerah Pontian yang mempunyai konsep tersendiri. Ini juga kerana, perolehan artifak lama di daerah Pontian hanya dikutip di daerah Pontian atau Johor di samping artifak milik masyarakat Bugis yang tinggal di kawasan lain seperti di Selangor. Namun begitu, adat dan tradisi masyarakat Bugis secara keseluruhannya adalah sama seperti tarian tradisional, makanan tradisional, bahasa, tulisan dan sebagainya. Pengkaji juga telah memfokuskan kajian menyeluruh terhadap masyarakat Bugis di daerah Pontian yang mengamalkan konsep budaya dan kesenian serta adat resam yang diamalkan pada masa kini. Ini akan dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang fungsi dan kegunaan artifak oleh masyarakat Bugis pada zaman dahulu. Kajian ini juga akan meninjau lagi adat dan tradisi masyarakat Bugis terdahulu dengan keunikan reka bentuk artifak yang mempunyai nilai warisan tersendiri.

Seterusnya, melalui kajian yang dijalankan, skop yang difokuskan oleh pengkaji turut tertumpu kepada fungsi pengurusan pameran koleksi yang dilakukan oleh pihak yang berpengetahuan di Muzium Bugis. Perkara ini akan diperincikan termasuk kaedah pengurusan pameran yang diterapkan dan impak terhadap kualiti pameran yang berada ditahap yang memuaskan. Kajian ini difokuskan melalui skop kajian hasil daripada kemudahan pengkaji dalam meneliti segala aspek yang berkaitan dengan masyarakat Bugis di Pontian, ini akan memberikan kefahaman yang mendalam kepada pengunjung mengenai pameran koleksi yang berinformasi secara menyeluruh. Kajian ini juga menjelaskan bahawa keperluan pihak yang berkepentingan dalam mengekalkan

pengurusan pameran Bugis dalam tahap yang memuaskan sebagai pameran yang berkualiti sehingga mewujudkan kesedaran masyarakat kini mengenai bukti kewujudan adat dan tradisi masyarakat Bugis pada zaman dahulu.

Selain itu, kajian ini akan dapat dikenal pasti melalui perolehan data dan maklumat mengenai fokus kajian, perolehan data dan maklumat yang telah dilakukan oleh pengkaji adalah melalui kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif ini dilakukan dengan menggunakan borang “Google Form” yang mengandungi persoalan mengenai pendapat masyarakat atau penduduk setempat di daerah Pontian, Johor tentang pengurusan pameran koleksi Bugis di Muzium Bugis, Pontian. Melalui kaedah seterusnya iaitu kaedah kuantitatif juga, pengkaji telah membuat pemerhatian fizikal dengan menjalankan pemerhatian dan kajian lapangan di Muzium Bugis, Pontian bagi meneliti setiap maklumat pengurusan pameran koleksi yang dijalankan di Muzium Bugis.

## **1.9 Struktur Huraian Bab**

### **Struktur Bab 1 : Pengenalan**

Di dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan maklumat mengenai sejarah awal berkaitan masyarakat Bugis, ianya juga membincangkan mengenai sejarah awal penubuhan Muzium Bugis yang melibatkan struktur dan sistem pengurusan yang diterapkan. Bahagian ini akan menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai objektif kajian yang akan dilakukan bagi mencapai hasil dapatan kajian. Perkara ini juga merujuk kepada batasan dan skop kajian yang menentukan had kepada kajian seperti tertumpu kepada masyarakat Bugis di daerah Pontian. Ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas untuk memperoleh hasil kajian dengan pelan dan susunan mengenai tujuan kajian yang sistematik.

### **Struktur Bab 2 : Kajian Literasi**

Pengkaji telah menghuraikan dengan lebih mendalam mengenai kajian yang dilakukan. Perkara ini termasuklah pendedahan mengenai strategi bagi mencapai objektif dan matlamat kajian yang diperlukan. Pengkaji telah mendalami kajian mengenai hasil kajian pengkarya lain seperti sejarah awal Muzium Bugis, pengurusan pemeliharaan

koleksi dan tarikan pada Muzium Bugis. Pengurusan pemeliharaan koleksi adalah berkait dengan pameran kerana ianya dapat menentukan kesesuaian pada susun atur dan ruangan pameran.

### **Struktur Bab 3 : Metodologi**

Pada bahagian metodologi kajian, pemilihan kaedah dan langkah dalam memperoleh sumber maklumat dilakukan. Faktor pemilihan kaedah ini daripada kesesuaian lokasi dan skop kajian dan tertumpu terhadap Muzium Bugis. Persekutaran Muzium Bugis yang memberikan sumbangan idea baharu iaitu di persekitaran daerah Pontian seperti masyarakat Bugis dan penubuhan Rumah Bugis di Kampung Sungai Kuali, Kukup, Pontian. Dalam bab ini, pengkaji telah memilih dua jenis kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif. Selain itu, pengkaji juga menggunakan dua sumber pemerolehan data iaitu melalui sumber primer dan sumber sekunder.

#### **1.10 Rumusan Bab**

Pengurusan pameran koleksi merupakan sistem yang terdapat pada sebuah permuziuman yang menjadi faktor perkembangan susun atur ruangan dan bahagian pameran. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kaedah dan sistem pengurusan sesebuah pameran pada Muzium Bugis, ianya dapat menambahbaik dan memberikan idea baharu terhadap pengurusan pameran yang sedia ada. Kajian ini amat meneliti setiap perincian fungsi pengurusan pameran yang dijalankan di Muzium Bugis yang menjadi pelan dan perancangan kepada pengkaji untuk mencapai matlamat dan objektif kajian. Selain itu, kajian ini dapat memberikan gambaran yang baik terhadap kualiti pameran di Muzium Bugis pada masa yang akan datang dan dapat diperkuuhkan.

## BAB 2

### PENGURUSAN MUZIUM DI MALAYSIA

#### 2.0 Pengenalan

Penyelidikan yang dilakukan didalam kajian mengenai pengurusan pameran koleksi Warisan Bugis di Muzium Bugis, Pontian adalah berkaitan dengan maklumat yang diambil dan diperolehi daripada beberapa sumber pemerolehan data yang telah dianalisis oleh beberapa pihak seperti pihak pengurusan di Muzium Bugis yang menjadi sumber ilmiah yang sahih kepada pengkaji untuk melakukan proses awal kajian dalam memperoleh matlamat kajian. Perkara ini menjelaskan bahawa autoriti mengenai ilmiah yang berkait dengan pengurusan pameran koleksi Warisan Bugis di Muzium Bugis adalah amat penting bagi pengkaji untuk mengumpul, menilai dan mengenal pasti maklumat yang telah sedia ada. Perkara ini dapat memperoleh cadangan dan strategi yang kukuh pada kajian yang dilakukan dengan memperluaskan gagasan terhadap penambahbaikan idea penyelidikan pada sistem pengurusan pameran koleksi yang dijalankan di Muzium Bugis. Kajian literasi ini juga membantu pengkaji untuk mencapai matlamat kajian berdasarkan skop kajian yang berkaitan dengan kaedah dan sistem pengurusan pameran koleksi yang dijalankan oleh pihak yang berlainan. Ini menjadikan penelitian terhadap sistem pengurusan pameran koleksi dapat dilihat dengan lebih mendalam seperti melakukan perbandingan antara sistem pengurusan pameran oleh pihak muzium yang berlainan. Selain itu, kajian literasi ini dapat memperkuatkan maklumat dan pengetahuan yang benar dan tepat yang dilaksanakan oleh pengkaji mengenai kajian terhadap sistem pengurusan, fungsi dan dasar yang dijalankan oleh sesebuah permuziuman.

## 2.1 Pengurusan Muzium

Sesebuah muzium mempunyai konsep iaitu secara luas, umum dan terperinci yang menjadi sesebuah kawasan yang memperagakan artifak atau koleksi dalam sesebuah bangunan. Menurut Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) menghuraikan bahawa muzium adalah ‘Institut bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat masyarakat dan perkembangannya, terbuka kepada umum serta mempamerkan untuk tujuan pembelajaran, pendidikan, hiburan, bukti-bukti peninggalan manusia dan persekitarannya.’ Dalam kajian ini, pengurusan muzium amat berkait rapat dalam mencapai objektif kajian dengan penilaian berdasarkan maklumat berkaitan dengan konsep didalam permuziuman. Pengkaji telah melakukan analisis terhadap sistem pengurusan muzium di Malaysia yang dijalankan dan diselenggarakan oleh pihak tertentu. Antara beberapa dasar yang melibatkan fungsi permuziuman adalah Dasar Penyelidikan, Dasar Perolehan Koleksi, Teknik dan Konsep Pameran dan Kaedah Konservasi serta Program Pendidikan dan Pengembangan Muzium wajar diuruskan oleh setiap kakitangan muzium dan bertanggungjawab dalam menggerakkannya. Melalui dasar-dasar tersebut, pengurusan muzium akan lebih terarah dalam menjalankan fungsi-fungsi permuziuman serta berlandaskan struktur organisasi sejajar dengan misi dan objektif sesebuah muzium. Pembentukan organisasi dalam sesuatu pengurusan di muzium antaranya terdiri daripada Pentadbiran, Kewangan, Editorial, Perhubungan Awam, Pusat Rekod, Latihan, Arkib, Penerbitan, Teknologi Maklumat dan Pemasaran. Pembentukan organisasi ini juga boleh dipersesuaikan mengikuti perubahan serta keperluan dalam pengkhususan skop bidang yang digunakan oleh sesebuah muzium. Hal ini menunjukkan bahawa pengurusan muzium amat memberikan kesan terhadap fungsi dalam sesebuah pameran koleksi pada muzium dan ianya akan memberikan maklumat serta informasi yang lebih mendalam dalam mencapai objektif kajian ini.

<http://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman>

Laman Web Rasmi, Jabatan Muzium Malaysia Permuziuman

## 2.2 Dasar Permuziuman Negara

Dalam menghuraikan dengan penuh jelas mengenai dasar yang dijalankan oleh pengurusan permuziuman di Malaysia, pada 6 April 2021, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mencipta sejarah baharu menerusi pelancaran Dasar Permuziuman Negara. Penggarisan kerangka kerja terperinci dan jelas akan dipandukan melalui dasar baharu di dalam bidang permuziuman yang dicipta agar mencapai sektor pengurusan yang lebih bersepadu. Antara garis panduan serta Kompilasi Dasar Permuziuman Negara mengandungi dua bahagian, melalui bahagian pertama, empat garis panduan yang merangkumi Penubuhan Muzium, Pengurusan Konservasi, Pengurusan Koleksi dan Keselamatan Muzium. Selain itu, bahagian kedua telah menggariskan lapan garis panduan antaranya Pameran Penyelidikan, Kerjasama dan Hubungan Antarabangsa, Pemasaran Muzium, Pengurusan Sumber Manusia, Penerbitan, Pengembangan dan Pendidikan, Sukarelawan Muzium, Sumber Manusia serta Pembangunan Modal Insan. Menurut YB Dato' Sri Hajah Nancy, "dasar yang dibuat ini selaras dengan piawaian Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) dalam memantapkan hala tuju dan impak dalam jangka masa panjang dalam pemuliharaan dan pemeliharaan koleksi dan artifak dalam permuziuman negara. Selain itu, perubahan ini akan memberikan kesan terhadap institusi permuziuman lebih dinamik, berstruktur, kesepadan tadbir urus serta penjenamaan baharu terhadap tarikan luar," jelas beliau. Melalui kerjasama Jabatan Muzium Malaysia (JMM), sokongan dalam mengangkat dasar ini lebih kehadapan adalah dengan mempromosikan kempen "Kembali Ke Muzium" kepada seluruh negara sejajar dengan usaha merancakkan pelancongan domestik. Ini menunjukkan bahawa beberapa peningkatan dasar yang dilakukan oleh permuziuman negara bagi mengubah landskap dan pengurusan yang terarah kepada fungsi yang berkesan seiring tahap yang maju dibawa oleh negara-negara luar.

<https://www.motac.gov.my/media2/siaran/dasar-permuziuman-negara-dan-kempen-kembali-ke-muzium>

6 April 2021

Dasar Permuziuman Negara Dan Kempen Kembali Ke Muzium

### 2.3 Pertubuhan Muzium Bugis

Pertubuhan Muzium Bugis pada 1982 yang diusahakan oleh Abdullah Ahmad atau dikenali sebagai Pak Dollah telah membawa kepada penubuhan Muzium Bugis yang pertama di Malaysia. Pengorbanan yang dilakukan oleh Pak Dollah dalam mengumpul pelbagai jenis bahan yang mempunyai nilai-nilai warisan Bugis telah berjaya dilakukan walaupun ianya perkara yang sukar untuk dilakukan. Perkara ini menjadi titik sejarah kepada negara kerana kepelbagaian kaum dan bangsa di Malaysia tetap menjadi aspirasi kepada penghayatan nilai warisan dan tradisi yang boleh dipelihara serta menghargai adat resam oleh warisan bangsa Bugis. Dalam hal yang demikian, sejarah dan asal usul penubuhan Muzium Bugis dimulakan apabila Pak Dollah telah meminati bahan sejarah sejak dari zaman sekolah dan bermula secara aktif pada 1982 dalam menubuhkan muzium mini iaitu Warisan Bugis. Perbelanjaan modal yang bermula dengan RM17,000 ianya telah melebihi kepada RM1 juta sehingga ke masa kini dalam memperoleh bahan artifak dan bahan bersejarah. Pada 26 Julai 1994, usaha Pak Dollah telah mendapat sokongan oleh Kerajaan Johor melalui Yayasan Warisan Johor (Ywj) dan diiktiraf sebagai Muzium Bugis pertama di Malaysia. Melalui perkara ini, pengenalphastian sistem pengurusan pameran koleksi yang digunakan di Muzium Bugis merupakan tujuan penyelidikan dalam kajian ini melalui sistem permuziuman yang telah diterapkan di Muzium Bugis melalui pengurusan dibawah Jabatan Warisan Negara (JWN).



Rajah 2.1

Abdullah Ahmad, 'Pak Dollah', Pemilik Muzium Bugis

Sumber :

<https://khirkhalid.com/muzium-bugis-arkib-khazanah-sejara/>



Rajah 2.2

Ruang Bahagian Pameran di Muzium Bugis

Sumber :

<https://khirkhalid.com/muzium-bugis-arkib-khazanah-sejara/>

Melalui pengumpulan artifak dan koleksi sejarah masyarakat Bugis, ianya dikumpulkan didalam ruangan pameran seperti Rajah 2.2 melalui jenis pembahagian bahan seperti senjata, peralatan rumah tangga peralatan perhiasan perkahwinan dan tembikar. Dalam pada itu, cadangan penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji dalam mendapatkan idea susun atur ruangan pameran koleksi di Muzium Bugis ini akan dapat diperoleh dengan rujukan yang sedia ada. Kajian lepas ini menunjukkan beberapa perbandingan tujuan penyelidikan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji antaranya fokus terhadap sistem pengurusan koleksi dan sistem pengurusan pameran koleksi, ianya akan menjadi suatu faktor penyumbangan idea baharu terhadap penilaian data dan maklumat di Muzium Bugis.

<https://khirkhalid.com/muzium-bugis-arkib-khazanah-sejara/>

15 June 2016, Khir Khalid

Muzium Bugis ; Khazanah Sejarah Johor Dan Malaysia

## 2.4 Pengurusan Pemeliharaan Koleksi

Artifak dan koleksi yang berada di Muzium Bugis, Pontian merupakan bahan sejarah dan mempunyai nilai warisan yang amat tinggi melalui adat dan kepercayaan orang terdahulu dapat dibuktikan melalui artifak. Perkara ini menjadi faktor terhadap kepentingan penjagaan dan pemeliharaan yang bersistematik dalam menjaga kondisi dan keadaan artifak berada didalam tahap yang memuaskan. Perubahan identiti asal merupakan perkara yang amat menjelaskan nilai sesuatu artifak seperti berlakunya perkaratan dan lain-lain. Melalui cadangan penyelidikan yang dilakukan pengkaji, perkaitan pengurusan pemeliharaan koleksi dalam kajian lepas ini adalah saling berhubung kait dengan sistem pengurusan pameran koleksi seperti sistem ruangan pameran yang ditetapkan adalah bergantung terhadap kemudahan kerja-kerja pemeliharaan yang dijalankan akan menjadi faktor penentuan terhadap sistem pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis ini. Kajian lepas ini juga dapat membantu dalam mengenalpasti susunan ruangan dan bahagian pameran koleksi yang sesuai dan dapat menentukan alat penyimpanan koleksi seperti rak kaca, almari dan sebagainya.

Seterusnya, kajian lepas ini menghuraikan mengenai sejarah dan perkembangan masyarakat Bugis pada zaman dahulu seperti etnik, bahasa dan tulisan, pakaian tradisional dan makanan tradisional. Etnik Bugis merupakan salah satu rumpun Melayu yang berasal dari Sulawesi dan mula berhijrah ke Tanah Melayu pada lewat kurun ke-18 dan 19. Bahasa dan tulisan yang digunakan oleh masyarakat Bugis asalnya digunakan oleh etnik Bugis di Sulawesi Selatan dan tersebar seperti sebahagian di negeri Maros, Pangkep, Barru dan lain-lain. Melalui maklumat yang diperoleh di kajian lepas ini, ia boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dalam penambahan idea dan maklumat terhadap latar belakang dan sejarah masyarakat Bugis didalam pengetahuan terhadap kajian yang dilakukan.

<https://ir.unimas.my/id/eprint/18444/>

2015, Norlaila Binti Atan

Pengurusan Pemeliharaan Koleksi Muzium di Muzium Bugis, Pontian, Johor

## 2.5 Tarikan Muzium Bugis

Orang ramai yang berkeinginan ke Taman Negara, Tanjung Piai berkemungkinan akan tertarik dengan papan tanda Muzium Bugis yang mengisi keistimewaan dan nilai yang tinggi terhadap kaum Bugis. Menurut Abdullah Ahmad, hasrat beliau dalam memelihara adat resam serta sejarah kaum Bugis untuk terus diingati oleh masyarakat moden kini amatlah diperlukan. Terdapat 2616 artifak bersejarah serta 300 koleksi yang merupakan barang tulen dan berusia ratusan tahun milik masyarakat Bugis terdahulu dipamerkan di Muzium Bugis ini. Barang bersejarah yang unik seperti keris dan senjata yang dibuat pada 1617 hingga 1836 yang digunakan oleh masyarakat Bugis untuk mempertahankan diri daripada penjajah terdahulu. Abdullah Ahmad berkata “Saya buka muzium ini bukan untuk kepentingan diri saya tetapi untuk dijadikan ‘harta’ kepada generasi akan datang”. Selain itu, dianggarkan seramai 500 ke 600 pengunjung dari dalam dan luar negara telah hadir di Muzium Bugis ini yang dibuka bermula jam 10 pagi sehingga 5.30 petang setiap hari tanpa dikenakan bayaran masuk. Pengunjung luar amat berharap agar kedatangan orang ramai ke Muzium Bugis ini kerana koleksi dan artifak merupakan khazanah yang sangat bernilai agar tidak ditelani oleh arus kemodenan serta dapat melihat dengan sendiri keaslian barang warisan etnik Bugis. Tarikan menjadi perkara yang begitu penting dalam sesebuah bidang permuziuman dan menjadi faktor perkembangan dalam menentukan strategi pengurusan serta pameran. Melalui cadangan penyelidikan yang dilakukan, sumber pemerolehan data dan maklumat mengenai strategi pameran yang dilakukan di Muzium Bugis ini dapat dirujuk pada artikel ini, ianya juga dapat memberikan idea baharu terhadap strategi pameran yang mampu menarik minat pengunjung luar untuk datang ke muzium ini.

<https://www.sinarharian.com.my/article/55845/EDISI/Johor/Muzium-Bugis-tarikan-di-Parlimen-Tanjung-Piai>

6 November 2019, Bernama

Muzium Bugis Tarikan di Parlimen Tanjung Piai

## 2.6 Rumusan Bab

Hasil kajian literasi yang dilakukan oleh pengkaji, ianya dapat menghuraikan bahan-bahan ilmiah yang telah ditulis oleh pengkaji-pengkaji lain berkaitan dengan Muzium Bugis. Melalui kajian literasi ini juga ianya dapat memberikan panduan dan asas kepada pengkaji dalam merencanakan pelan dalam mencapai objektif kajian. Kajian literasi ini juga membantu pengkaji untuk menjadi rujukan dan informasi terhadap penulisan projek penyelidikan yang dilakukan. Maklumat yang diperoleh daripada kajian lepas ini memberikan fakta baharu dan menambahkan idea baharu terhadap kajian. Maka, kajian yang dilakukan ini akan dapat dihuraikan dengan lebih mendalam kerana adanya hujahan penyelidikan lepas oleh penyelidik yang pakar dan berpengetahuan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan mengenai cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian ini menjadikan penyelidikan yang dilakukan lebih bersistematis dan terarah dalam mencapai objektif kajian. Pengkaji telah menetapkan kaedah untuk memperoleh data dan maklumat mengenai kajian yang dilakukan. Pemilihan kaedah dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian ini perlu mengikut tahap skop kajian dan ianya tertumpu pada pengurusan pameran koleksi warisan Bugis di Muzium Bugis. Metodologi kajian ini dapat membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan di dalam kajian ini serta menjadi rujukan untuk mencapai matlamat kajian. Bab ini juga membincangkan beberapa perkara penting didalam metodologi dan pelan strategi untuk memperoleh hasil kajian. Pengkaji telah menggunakan dua kaedah reka bentuk kajian iaitu secara kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif yang pertama digunakan adalah secara soal selidik iaitu berbentuk borang yang dapat memperoleh data dan maklumat daripada masyarakat. Manakala yang kedua, kaedah secara temu bual bersama pihak pengurusan di Muzium Bugis. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah menggunakan kajian lapangan dan pemerhatian di Muzium Bugis.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan kaedah dalam menentukan pelan tindakan serta memperincikan bagaimana kajian itu dijalankan (Sabhita, 2006). Pengkaji telah melakukan susun atur dalam memperoleh maklumat dan data secara terperinci, perkara ini adalah berkait dengan panduan yang membantu pengkaji dalam proses memungut, menganalisis dan membuat tafsiran hasil daripada kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian ini juga dapat menjadi faktor rujukan berkenaan pemboleh ubah yang dikaji dan kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan. Antara kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan reka bentuk kajian adalah melalui penyelidikan deskriptif, penyelidikan penilaian dan penyelidikan sejarah. Penyelidikan deskriptif yang dilakukan melalui kajian ini adalah berdasarkan keadaan yang sedang

berlaku pada Muzium Bugis pada waktu kini, pengkaji telah mengatur kaedah penyelidikan berdasarkan penyelidikan deskriptif sebagai medium asas pembentukan pemerolehan data daripada kaedah yang digunakan seperti kualitatif dan kuantitatif.



Rajah 3.1 : Carta Alir

### 3.3 Metodologi Kajian

Melalui carta alir dalam Rajah 3.1, kaedah yang digunakan adalah melalui kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif merupakan prosedur dalam penyelidikan yang bertujuan untuk menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007). Kaedah kuantitatif pula adalah penyelidikan yang berkaitan dengan fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005; Chua, 2006; Fraenkal, 2007). Melalui kedua-dua kaedah yang dilakukan ianya dapat membantu pengkaji dalam memperoleh maklumat dan data mengenai pengurusan pameran koleksi Warisan Bugis di Muzium Bugis. Perkara ini juga merupakan faktor yang terpenting untuk mendapatkan hasil kajian kerana ianya menunjukkan panduan dan terarah kepada matlamat kajian. Melalui kaedah kualitatif, pengkaji menggunakan soal selidik dan temu bual untuk mendapatkan maklumat mengenai pengurusan pameran koleksi warisan Bugis di Muzium Bugis, ianya melibatkan pekerja-pekerja di Muzium Bugis yang berpengalaman dalam berkongsi ilmu pengetahuan mereka mengenai pengurusan dan sistem pameran yang digunakan. Temubual ini melibatkan masyarakat luar untuk

memberikan maklumat mengenai beberapa soalan yang melibatkan pembangunan dan kemajuan pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis. Kaedah ini dapat membantu pengkaji dalam merujuk pelbagai rujukan sebagai asas bagi memandu arah idea dan mencapai matlamat kajian ini. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan kajian lapangan dan pemerhatian di Muzium Bugis. Kaedah ini digunakan melalui gerakan secara fizikal ke lokasi kajian iaitu di Pantai Rambah, Pontian yang terletaknya Muzium Bugis dengan memantau dan melihat bahagian dalaman dan luaran Muzium Bugis. Tambahan itu, pengkaji melakukan penyelidikan secara pembelajaran di Muzium Bugis dengan mempelajari mengenai sejarah awal masyarakat Bugis terdahulu, maklumat mengenai artifik dan seterusnya mengenai sistem pengurusan pameran yang digunakan di Muzium Bugis ini.


### **3.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Pengkaji telah menggunakan dua sumber iaitu primer dan sekunder. Menurut Syed Ismail (2010), sumber primer ialah penemuan baru, penyelidikan asli, boleh diterbitkan dan merupakan maklumat asal. Sumber primer yang digunakan oleh pengkaji adalah kajian melalui temu bual dan soal selidik. Sumber ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan dan maklumat yang diterima itu sahih. Manakala itu, menurut Wikipedia, sumber sekunder mengandungi bahan atau dokumen yang dikaji melalui pembacaan bahan bertulis maklumat yang telah dicatatkan di tempat lain. Pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan dan internet iaitu merujuk kepada jurnal yang berkaitan dengan warisan Bugis yang menunjukkan sejarah awal masyarakat Bugis zaman dahulu dan juga pengetahuan mengenai bidang permuziuman. Sumber sekunder ini dapat membantu pengkaji untuk menyusun hasil dapat sumber primer dengan lebih sistematik.

#### **3.4.1 Kaedah Perpustakaan**

Pengumpulan maklumat daripada sumber-sumber ilmiah seperti buku, jurnal dan kajian lepas adalah menjadi sumber rujukan kepada pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Melalui rujukan buku pada Rajah 3.2 yang bertajuk ‘Salasilah Melayu dan Bugis’ yang ditulis oleh Mohd. Yusof Md. Noh, bahan ilmiah ini dapat membantu pengkaji untuk menjadikan panduan dan asas

perencanaan objektif kajian yang berkaitan dengan pengurusan pameran koleksi warisan Bugis di Muzium Bugis. Pengkaji telah menggunakan jurnal yang berkaitan dengan bidang permuziuman yang berkaitan dengan susun atur pameran, strategi pameran dan kekuatan pameran serta menjadi sumber penambahbaikan idea kepada pengkaji. Bahan ilmiah ini juga adalah menjadi rujukan untuk memastikan kesahihan maklumat yang diterima agar percanggahan diantara sumber maklumat dapat dielakkan dan mencapai matlamat kajian yang bersepada dan telus. Antaranya bagi mendapatkan dan mengenalpasti sistem dan pengurusan yang berkualiti terhadap pameran koleksi di muzium dalam kajian. Perkara ini juga dapat membantu keyakinan pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan panduan dan asas yang sahih untuk dirujuk. Ini memberikan kemudahan kepada pengkaji untuk meneliti sesuatu kajian lepas dengan lebih mendalam dan dapat memartabatkan ilmu penguasaan para penyelidik.



Rajah 3.2

Salasilah Melayu dan Bugis, Mohd. Yusof Md. Noh

Sumber : Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok

### 3.4.2 Kaedah Internet

Pengkaji telah melakukan pencarian maklumat melalui beberapa laman sesawang yang berkaitan maklumat sistem dan pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis yang digunakan. Kaedah ini dilakukan untuk memperoleh maklumat dan data yang lebih terperinci serta kepastian kesahihan maklumat diperlukan. Pendekatan melalui penggunaan internet adalah relevan dan masih digunakan oleh penyelidik lain dalam memperolehi maklumat kajian yang dilakukan. Pencarian maklumat melalui internet oleh pengkaji mengenai sistem pengurusan pameran koleksi ini perlu dilakukan dengan teliti supaya tidak melalui unsur “plagiat” terhadap kajian para penyelidik yang lain. Pencarian maklumat mengenai susun atur ruangan pameran juga dilakukan melalui jenis susunan dan bahagian ruangan yang strategik bagi menambahkan idea dalam penyelidikan yang dilakukan ini.

### 3.5 Instrumen Kajian

Pengkaji telah menggunakan instrumen kajian bagi mendapatkan maklumat yang terperinci serta mengandungi faktor idea dan pembaharuan terhadap pelaksanaan kajian ini. Instrumen kajian ini dapat menjadi sumber rujukan kepada pengkaji untuk mencapai matlamat kajian, antara tiga jenis instrumen yang digunakan ialah kaedah temubual, soal selidik, kajian lapangan dan pemerhatian.

#### 3.5.1 Kaedah Temubual

Pengkaji telah menjalankan kaedah secara temubual untuk mengumpulkan maklumat mengenai kajian ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual secara berstruktur, menurut Merriem (1998), penggunaan temubual berstruktur bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang tepat dan sahih seperti maklumat sosiodemografik, pendapatan, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan lain-lain. Perkara ini dapat memperincikan dengan lebih jelas mengenai pengalaman pegawai atau pekerja yang di temubual terhadap konsep yang diamalkan dalam mengurus tadbir bahagian pameran koleksi di Muzium Bugis. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temubual

secara separa berstruktur iaitu dengan menerima maklumat dan dikongsikan oleh pegawai atau pekerja di Muzium Bugis secara bersifat fleksibel dan membolehkan responden menghuraikan pengetahuan dan apa yang difikirkannya kepada pengkaji. Kedua-dua kaedah temubual ini lebih membantu pengkaji dalam memperincikan maklumat yang diterima oleh responden dengan lebih tersusun dan dapat diterjemahkan dengan lebih jelas di dalam penulisan kajian ini. Temubual ini juga bagi mendapatkan perkembangan dan strategi yang direncanakan oleh pihak Muzium Bugis dalam menjamin kualiti ruangan pameran yang terjangkau dan kekal lama, ianya menjadi sebagai rujukan kepada bahagian penyelidikan didalam kajian ini.

### **3.5.2 Kaedah Soal Selidik**

Pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik yang merupakan langkah untuk meramal tabiat dikalangan masyarakat setempat. Penggunaan borang soal selidik adalah melalui “Google Form” yang mengandungi beberapa persoalan yang berkait dengan perkembangan dan kekerapan masyarakat terhadap keadaan luaran, bahagian dalaman, sistem pengurusan dan manfaat yang diberikan oleh Muzium Bugis terhadap responden. Borang soal selidik ini akan disebarluaskan melalui aplikasi media sosial seperti “Facebook” bagi menjadikan medium kepada responden untuk mendapatkan borang soal selidik mengenai kajian ini. Kaedah ini juga dapat mengukur tahap kesedaran serta kesediaan masyarakat mengenai kewujudan nilai sejarah di Muzium Bugis, ianaya juga membantu pengkaji untuk menerima cadangan dan idea pembaharuan daripada masyarakat terhadap penambahbaikan di Muzium Bugis yang boleh diterima dan tidak melebihi batas pembaikan yang boleh dilakukan. Borang soal selidik ini juga menjadi medium kepada pengkaji bagi memperoleh pandangan masyarakat terhadap pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis serta menjadi dukungan terhadap matlamat kajian yang dilakukan seiring keinginan masyarakat terhadap idea pembaharuan di Muzium Bugis ini.

### 3.5.3 Kajian Lapangan

Kajian ini dilakukan melalui pemerolehan maklumat secara kajian lapangan terhadap penghayatan dan pembelajaran di Muzium Bugis, Pontian. Kaedah ini dilakukan secara formal dengan meneliti setiap maklumat dan informasi mengenai jenis artifak, sejarah senibina luaran dan dalaman Muzium Bugis, aktiviti tahunan yang dijalankan dan yang terutama sekali adalah mengenai pengurusan pameran koleksi di muzium ini. Pengkaji telah menjadikan kaedah kajian lapangan ini sebagai panduan dan asas bagi menyusun atur idea dalam mencapai objektif kajian. Perkara ini juga dapat membantu pengkaji untuk menambahkan pengetahuan kendiri seiring mencapai matlamat kajian.

### 3.5.4 Pemerhatian

Pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berdasarkan faktor bahagian pameran di Muzium Bugis. Melalui gambaran lokasi pada Rajah 3.3 yang menunjukkan Muzium Bugis, pengkaji telah meninjau Muzium Bugis dengan melakukan pemerhatian terhadap susun atur ruangan pameran yang sedia ada, ianya membantu pengkaji untuk memenuhi aspek dalam mencapai objektif kajian. Kaedah ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil bukti dan gambaran tersendiri yang mampu menambahkan keyakinan terhadap pengkaji untuk melakukan idea dan pembaharuan yang tepat. Pemerhatian yang dilakukan adalah di Muzium Bugis, Sungai Rambah, Pontian juga dari bahagian dalaman serta luaran muzium. Pengkaji terlebih dahulu telah mendapatkan kelulusan daripada pensyarah dan pihak Muzium Bugis untuk melakukan pemerhatian dalam jangka masa yang lama dan bertujuan untuk menyiapkan tugas penyetidikan ini.



Rajah 3.3

Muzium Bugis, Pontian

Sumber : Kajian Lapangan, 4 Oktober 2022

### 3.6 Rumusan Bab

Melalui bab ini, pengkaji telah memperoleh pemahaman mengenai kaedah pemerolehan maklumat dengan lebih luas. Pengkaji telah membincangkan mengenai kaedah pengumpulan data, reka bentuk kajian dan instrumen kajian yang melibatkan beberapa jenis kaedah. Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan asas dengan melakukan kajian yang baharu dan belum dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain, ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian dengan menerima idea baharu mengenai kajian yang dilakukan. Maka, metodologi ini dapat dijadikan platform kepada pengkaji dalam memilih cara dan kaedah yang tepat dan berkesan untuk memperoleh maklumat yang diperlukan.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Melalui kaedah pemerolehan data yang dilakukan oleh pengkaji terhadap Muzium Bugis, Pontian telah menjelaskan hasil dapatan daripada objektif kajian. Objektif kajian ini mengandungi beberapa tujuan dan matlamat untuk mengenalpasti sistem pengurusan pameran koleksi yang digunakan di Muzium Bugis, Pontian. Pengkaji telah mendapatkan maklumat yang bersumberkan daripada pemilik Muzium Bugis serta beberapa tempat rujukan seperti di Majlis Perbandaran Pontian yang menyimpan maklumat dan kerja-kerja pengurusan mengenai Muzium Bugis. Maklumat dan data yang diperolehi ini akan diperincikan mengikut kehendak objektif kajian serta menjawab setiap persoalan yang tertimbul daripada tujuan kajian ini. Oleh yang demikian, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerolehan data secara pemerhatian dan temubual terhadap pemilik Muzium Bugis, Puan Indrakesumawati Binti Abdullah iaitu anak kepada Allahyarham Abdullah Bin Ahmad yang menjelaskan mengenai latar belakang dan pengurusan yang digunakan di Muzium Bugis. Selain itu, pengkaji juga telah melakukan penganalisan terhadap pendekatan kemudahan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis. Tujuan pemerolehan maklumat ini adalah bagi menilai keselesaan dan keunikian bagi menarik perhatian pengunjung di Muzium Bugis serta kesesuaian peralatan yang kondusif bagi pameran koleksi termasuk penjagaannya.

Dalam bab ini pengkaji telah menggariskan beberapa objektif kajian bagi memperolehi dapatan kajian iaitu ;

1. Mengenalpasti sistem pengurusan pameran koleksi yang digunakan di Muzium Bugis, Pontian
2. Memperolehi pendekatan kemudahan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian
3. Mempertingkatkan analisis melalui cadangan terhadap pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian

Objektif kajian yang telah ditetapkan ini dapat menjelaskan tujuan bagi mendapatkan dapatan kajian di dalam bab ini. Seterusnya, melalui cadangan dan idea pembaharuan yang dilakukan, pengkaji telah menilai dapatan idea baharu ini melalui beberapa faktor yang menentukan kesesuaian dan prosedur yang ditetapkan di Muzium Bugis. Perkara ini bagi mengelakkan daripada berlakunya percanggahan terhadap konsep permuziuman yang telah termaktub seperti kaedah pameran yang boleh digunakan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Namun, kajian ini juga telah terbatas disebabkan beberapa faktor yang akan diperjelaskan pada bahagian Pengurusan Muzium Bugis. Idea pembaharuan ini juga telah disokong oleh Puan Indra, pemilik Muzium Bugis untuk menjadikan hasrat dalam membangunkan kualiti pameran yang setaraf dengan sektor permuziuman yang baik.

#### **4.2 Sistem pengurusan pameran koleksi yang digunakan di Muzium Bugis, Pontian**

Melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap pengurusan pemeran koleksi di Muzium Bugis, terdapat beberapa sasaran objektif kajian untuk dicapai melalui beberapa kajian yang terperinci terutama pada bahagian pengurusan di Muzium Bugis. Melalui objektif pertama, pengkaji telah mengkaji serta meneliti maklumat dan informasi melalui kaedah pemerolehan data yang digunakan terhadap mengenal pasti secara terperinci mengenai sistem pengurusan pameran koleksi yang digunakan. Sistem pengurusan yang digunakan di Muzium Bugis mempunyai cara dan langkah pengurusan yang tersendiri. Perkara ini meliputi beberapa elemen untuk menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai dasar dan prosedur yang ditetapkan di Muzium Bugis serta bagi memelihara muzium daripada berlaku sebarang perkara yang tidak diingini. Pengkaji telah memecahkan kepada tiga bahagian didalam menjelaskan sistem pengurusan yang digunakan antaranya pengurusan di Muzium Bugis, sejarah penerimaan dan pengumpulan koleksi masyarakat Bugis dan penjagaan koleksi serta artifak di Muzium Bugis.

#### 4.2.1 Pengurusan di Muzium Bugis

Muzium Bugis merupakan galeri yang mempamerkan pelbagai jenis artifak masyarakat Bugis hasil daripada pengumpulan dan penerimaan daripada pelbagai sumber. Dalam pada itu, Allahyarham Abdullah Bin Ahmad sahaja pada ketika keberadaannya yang mengetahui maklumat yang terperinci mengenai sesuatu artifak serta mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi mengenai sejarah masyarakat Bugis. Oleh yang demikian, pemilikan Muzium Bugis ini adalah secara persendirian yang dahulunya diuruskan oleh Allahyarham Abdullah Bin Ahmad dan diwarisi oleh anak-anak beliau. Menurut Puan Indra, anak kepada Allahyarham Abdullah Bin Ahmad, pengurusan Muzium Bugis ini telah dikawal dan dijaga sepenuhnya oleh Puan Indra dan adik-beradiknya sejak daripada pemergian arwah ayahnya yang meninggalkan artifak dan koleksi ini untuk terus dijaga dan dipelihara. Justeru, Puan Indra telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memperoleh pelbagai sumber kewangan dalam mengekalkan kos pembiayaan dan penyelenggaraan demi memperkembangkan muzium ini kearah yang lebih holistik. Selain itu, Majlis Perbandaran Daerah Pontian (MPPN) merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan kewangan serta penyelenggaraan dan penjagaan bangunan.

Muzium Bugis yang beroperasi pada jam 9.00 pagi dan tutup operasi pada jam 6.00 petang mengikut hari waktu bekerja dan cuti pada jumaat dan sabtu memberikan peluang kepada pengunjung luar untuk memasuki Muzium Bugis. Dalam pada itu, penjagaan operasi Muzium Bugis yang dijaga oleh Puan Indra adalah semasa waktu petang disebabkan beliau yang bekerja sebagai guru di SMK Telok Kerang, Kukup, Pontian. Beliau akan diganti oleh adiknya untuk menjaga operasi Muzium Bugis pada waktu pagi. Kawalan operasi ini adalah berkait dengan sistem pengurusan yang digunakan oleh pihak Muzium Bugis dengan menetapkan waktu operasi secara tepat walaupun Muzium Bugis ini bukan dibawah pengelolaan Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Negara Malaysia. Hal ini menjadikan kawalan sistem pengurusan di Muzium Bugis dilakukan secara persendirian melalui susun atur oleh Puan Indra dan adik-beradiknya. Selain itu, Muzium


Bugis yang tidak menggunakan khidmat pihak yang pakar dalam bidang permuziuman seperti pihak kurator, ahli konservator, penjaga muzium dan pembantu muzium ini adalah disebabkan kekurangan kos. Antara faktor lain yang menjadikan ketiadaan pihak yang pakar di dalam pengurusan Muzium Bugis adalah tidak menjalankan operasi secara formal di bawah pengelolaan kerajaan ataupun institusi permuziuman yang memberikan pemerhatian dan penjagaan secara menyeluruh terhadap sesebuah muzium. Perkara ini berlaku adalah disebabkan kekurangan pemerhatian yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu dalam memperkembangkan Muzium Bugis ini kearah yang lebih maju semasa awal penubuhan sehingga kini. Namun, perkara ini tidaklah begitu serius disebabkan adanya pengawalan dan penjagaan yang diberikan oleh Majlis Perbandaran Daerah Pontian yang membiayai bil elektrik dan bil air Muzium Bugis.

#### **4.2.2 Sejarah penerimaan dan pengumpulan koleksi masyarakat Bugis**

Menurut Puan Indra, pemilik Muzium Bugis, beliau menjelaskan pengumpulan koleksi dan artifak yang diterima adalah melalui kaedah derma dan pengumpulan, kaedah derma ini adalah daripada individu dan masyarakat yang memiliki koleksi dan artifak Bugis secara turun-temurun daripada keturunannya, manakala pemberian artifak atau koleksi lama ini adalah banyak diberikan kepada pemilik Muzium Bugis, Allahyarham Abdullah Bin Ahmad oleh masyarakat berketurunan Bugis yang menimpan barang lama milik masyarakat kaum Bugis yang menyimpan secara pemilikan sendiri atau warisan turun-temurun. Pemilikan objek lama yang terdapat di Muzium Bugis seperti senjata tradisional iaitu batik telah banyak diperolehi daripada keturunan Makassar, Indonesia dan sebahagian lainnya adalah keris yang diberikan oleh masyarakat Jawa. Selain itu, keris yang mempunyai aura spiritual yang tinggi ini menjadi faktor terhadap penyerahan kepada pihak Muzium Bugis untuk memeliharanya. Perkara ini diperjelaskan lagi oleh Puan Indra, hanya penjaga Muzium Bugis sahaja yang dapat membuka sarung keris, hal ini kerana aura spiritual yang masih kekal pada keris yang dimiliki oleh orang-orang terdahulu yang mengamalkan ilmu ghaib dan ilmu mempertahankan diri. Ini menjelaskan

lagi bahawa pemerolehan objek lama yang diberikan oleh masyarakat Bugis terdahulu kepada Allahyarham Abdullah Bin Ahmad mempunyai penceritaan bagi setiap objek kerana ianya adalah alat senjata tradisional yang mempunyai nilai estetik dan sifat spiritual yang tersendiri.

Pada awalnya, Allahyarham Abdullah Bin Ahmad mengumpulkan dan mempamerkan koleksi dan artifak masyarakat Bugis ini di rumahnya sebelum berpindah di Muzium Bugis, Rambah, Pontian Johor. Pada tahun 2011, Majlis Daerah Pontian telah bersetuju untuk menyerahkan salah satu bangunan kepada Allahyarham Abdullah Bin Ahmad untuk dijadikan sebagai Muzium Bugis yang meletakkan kesemua artifak yang dikumpulkannya untuk dipamerkan. Pada permulaan terbinanya Muzium Bugis, pengasas telah mengumpul dan mendokumenkan secara rawak mengenai konsep dan budaya masyarakat Bugis.



Rajah 4.1 : Carta Alir Kaedah Penerimaan Artifik

#### **4.2.3 Penjagaan koleksi dan artifak di Muzium Bugis**

Melalui penjagaan koleksi yang diterapkan di Muzium Bugis, kawalan pemeliharaan koleksi adalah dilakukan adalah secara persendirian. Muzium Bugis merupakan sebuah galeri yang tidak didaftarkan oleh mana-mana jabatan dan institusi permuziuman. Namun, pengiktirafan yang diberikan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) pada awal pembuahan Muzium Bugis ini telah memberikan perubahan yang besar dalam menerapkan gaya ruangan dan pameran yang menarik pada awalnya. Oleh hal yang demikian, pengambilan penjagaan secara menyeluruh dalam memelihara kualiti artifak daripada kerosakan adalah diatas kebolehan dan kemampuan pemilik Muzium Bugis iaitu Puan Indra dan adik-beradiknya. Antara jenis pemeliharaan yang dilakukan adalah secara manual seperti pembersihan besi karat menggunakan air limau, pembuangan habuk kotor dan lain-lain. Menurut Puan Indra, pemilik Muzium Bugis, beliau menjelaskan bahawa tiada sebarang aktiviti konservasi dan sebarang pemeliharaan dan pemuliharaan yang khas daripada institusi dan jabatan konservasi dalam menjaga kualiti artifak selain melakukan pembersihan secara manual dengan kepakaran yang sedia ada.

#### **4.3 Pendekatan kemudahan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian**

Melalui pemerolehan data yang diperoleh, penjelasan serta perincian maklumat mengenai objektif kedua iaitu pendekatan kemudahan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis, Pontian. Perkara ini adalah bertujuan bagi memperincikan dengan lebih mendalam mengenai penggunaan prasarana serta susun atur yang berkait pada asal usul reka bentuk bangunan. Ini dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti kesesuaian pada cadangan dan idea pembaharuan seperti yang dinyatakan pada objektif ketiga. Oleh yang demikian, muzium merupakan sebuah ruangan galeri yang boleh menjadi faktor kepada perubahan sosio ekonomi, hal ini menjelaskan bahawa kedudukan dan posisi bangunan Muzium Bugis adalah menjadi faktor dan penyebab penambahan penduduk setempat dengan tarikan pelancong luar yang dating ke Muzium Bugis. Pengkaji telah membahagikan kepada tiga bahagian

didalam objektif kedua ini antaranya sejarah perkembangan bangunan Muzium Bugis dan suai guna semula bangunan lama kepada baharu, susun atur dan konsep pameran koleksi di Muzium Bugis dan kemudahan prasarana dan utiliti di Muzium Bugis.

#### **4.3.1 Sejarah perkembangan bangunan Muzium Bugis dan suai guna semula bangunan lama kepada baharu**


Menurut Puan Indra, pemilik Muzium Bugis, proses suai guna semula beberapa bahagian bangunan adalah terbahagi kepada beberapa blok iaitu blok ruangan pameran pertama, ruangan pameran kedua, dan ruangan pameran ketiga. Pada awalnya koleksi dan artifik hanyadiletakkan pada ruangan blok yang pertama seperti di dalam rajah 4.3. Kemudian, pada tahun 2012, bangunan Muzium Bugis ini telah diperluaskan kepada dua blok yang mempunyai kawasan serta ruangan bangunan yang lebih meluas untuk dijadikan sebagai galeri pameran koleksi masyarakat Bugis seperti di dalam rajah 4.2. Setiap blok yang dijadikan tempat pameran mempunyai latar belakangnya tersendiri, blok yang pertama mempunyai keluasan dan berbentuk ruangan segi empat adalah galeri pameran koleksi yang pertama diserahkan, blok yang kedua adalah merupakan bilik mesyuarat yang berbentuk ruangan panjang yang menghubungkan diantara blok pertama dan blok ketiga, manakala blok ketiga adalah merupakan dapur yang digunakan oleh ahli mesyuarat yang mempunyai keluasan dan berbentuk ruangan segi empat dan kini telah dijadikan galeri pameran koleksi masyarakat Bugis.



Rajah 4.2 : Struktur Bangunan Muzium Bugis

Sumber : Kajian Lapangan, 4 Oktober 2022

#### 4.3.2 Pelan Lantai Bangunan Muzium Bugis



Rajah 4.3 : Pelan Lantai Bahagian Ruang Pameran

Sumber : Autocad 2018

- Blok A ialah ruangan galeri pertama
- Blok B ialah ruangan bilik mesyuarat
- Blok C ialah dapur

Melalui analisis kajian yang dilakukan oleh pengkaji di Muzium Bugis, struktur ruangan pameran koleksi yang dahulunya digunakan terhadap ruangan mesyuarat adalah berbeza dengan perubahan yang maksimum dilakukan tanpa memberikan kesan peninggalan bilik mesyuarat. Proses suai guna semula bangunan yang dilakukan terhadap struktur ruangan di Muzium Bugis dilakukan pada ruang dalaman seperti pembaharuan cat, tingkap, tambahan ruangan khas, ini berlaku disebabkan dahulunya ruangan ini adalah kosong dan tidak dapat diselenggara secara betul. Usaha dinamik yang dilakukan oleh pihak Majlis Perbandaran Daerah Pontian (MPPN) dalam memperuntukkan dana bagi proses awal penyelenggaraan adalah faktor terhadap proses suai guna semula dapat dijalankan bagi mewujudkan sebuah muzium yang menempatkan koleksi dan barang peninggalan

masyarakat Bugis yang kebanyakannya didapati hasil daripada pemberian oleh masyarakat Bugis daripada Makassar, Indonesia.

#### **4.3.2 Susun atur dan konsep pameran koleksi di Muzium Bugis**

Muzium Bugis merupakan salah sebuah muzium dibawah Majlis Perbandaran Daerah Pontian (MPPN) yang memperuntukkan sumber kewangan dan pembangunan terhadap sebarang kos penyelenggaraan yang ada di Muzium Bugis. Oleh hal yang demikian, konsep permuziuman yang digunakan oleh Majlis Perbandaran Daerah Pontian (MPPN) adalah secara berperingkat, hal ini menjelaskan bahawa kaedah gaya bentuk galeri, susunan artifak dan kaedah pameran yang digunakan akan berubah mengikut perancangan tersendiri. Pada awal penubuhan Muzium Bugis, ruangan galeri yang mempamerkan pelbagai jenis koleksi barang masyarakat Bugis seperti alat senjata tradisional, alat muzik tradisional dan sebagainya diletakkan secara rawak tanpa penyusunan mengikut segmen dan kategori koleksi. Namun, konsep susunan koleksi secara rawak ini telah diubah supaya ia kelihatan lebih tersusun dan teratur. Idea penyusunan ini telah membawa kearah yang lebih menarik dengan mengikuti perkembangan dalam sektor permuziuman seperti perletakan ‘tag’, ‘label’, dan mempunyai sebahagian maklumat mengenai koleksi yang dipamerkan.

Pada tahun 2018, kedatangan Dato’ Dr. Hasni, Menteri Besar Johor pada ketika itu ke Muzium Bugis telah menggerakkan pihak Muzium Bugis dan Majlis Perbandaran Daerah Pontian dalam melakukan perubahan terhadap konsep susun atur pameran koleksi ke arah yang lebih menarik. Perubahan yang dilakukan adalah terhadap susunan rak, perletakkan tag dan pembahagian koleksi mengikut jenis dan kategori objek yang lebih tersusun. Selain itu, pada tahun 2021, Majlis Perbandaran Daerah Pontian telah memberikan cadangan dan idea pembaharuan terhadap susun atur pameran dan prasarana yang dapat memperluaskan daya tarikan kepada pengunjung.



Rajah 4.4 : Ruangan Blok Pameran A

Sumber : Kajian Lapangan, 4 Oktober 2022

Pada rajah 4.4, gambaran menjelaskan penggunaan alatan pameran seperti rak kaca untuk menyimpan peralatan seperti senjata tradisional dan alat muzik tradisional. Teknik pameran secara gantung digunakan bagi mempamerkan senjata tradisional seperti lembing dan tombak pada dinding. Ruangan ini merupakan ruangan blok pameran utama yang menempatkan beberapa bahan ilmiah seperti majalah, buku, suratan akhbar dan pengumpulan risalah serta maklumat mengenai keturunan kaum Bugis yang berasal daripada Makassar, Indonesia. Selain itu juga, ruangan ini juga merupakan pintu masuk utama untuk memasuki kesetiap ruangan blok pameran yang ada pada Muzium Bugis.


MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 4.5 : Ruangan Blok Pameran B

Sumber : Kajian Lapangan, 4 Oktober 2022

Rajah 4.5 menjelaskan ruangan tengah ini memenuhi pameran terhadap koleksi gambar tokoh berketurunan Bugis dan konsep alam masyarakat Bugis. Teknik pameran yang digunakan adalah secara ‘gantung’ pada dinding dengan label yang diletakkan mengenai nama-nama tokoh yang berketurunan Bugis. Selain itu, meletakkan beberapa perincian maklumat dan informasi mengenai adat budaya dan warisan masyarakat Bugis didalam bingkai gambar adalah alternatif yang bersesuaian dengan menjadi laluan ke ruangan blok pameran yang ketiga. Ruangan ini juga mempamerkan struktur rumah tradisional oleh kaum Bugis yang asli daripada hasil pemberian oleh masyarakat kaum Bugis.



Rajah 4.6 : Ruangan Blok Pameran C

Sumber : Kajian Lapangan, 4 Oktober 2022

Pada rajah 4.6, ruangan pameran ini menjadi galeri pameran peralatan dapur oleh kaum Bugis seperti alat perkakas dan pelbagai jenis tembikar yang digunakan oleh masyarakat Bugis. Penggunaan alatan pameran seperti rak kaca dan teknik pameran secara ‘gantung’ digunakan mengikut jenis koleksi. Kaedah peletakkan barang dan koleksi ini hanya digunakan pada koleksi yang mempunyai ketahanan dalam jangka masa yang panjang seperti koleksi yang diperbuat daripada bahan gunaan logam dan besi. Perkara ini adalah bersesuaian kepada pengawalan ketahanan koleksi daripada mengalami kerosakan yang maksimum disebabkan ketiadaan alat pameran.

#### 4.3.3 Kemudahan prasarana dan utiliti di Muzium Bugis

Muzium Bugis telah mengalami perubahan daripada masa ke semasa bergantung terhadap kadar sokongan melalui daripada cadangan pihak pengurusan muzium dalam menaikkan taraf prasarana di dalam Muzium Bugis. Hal ini demikian kerana kemudahan prasarana yang sedia ada adalah berada pada tahap yang sederhana, sebagai contoh, pihak pengurusan Muzium Bugis memiliki satu sahaja bilik khas hanya kepada penjaga muzium. Selain itu, pengurusan yang sederhana juga menjadi faktor prasarana dan utiliti berada pada tahap sederhana yang tidak mempunyai bidang khas permuziuman seperti

unit Pembantu Muzium, Kurator, Pembantu Kurator dan lain-lain, hal ini juga disebabkan pemilikan Muzium Bugis adalah secara persendirian yang diwarisi oleh anak kepada Allahyarham Abdullah Bin Ahmad.

Antara kemudahan prasarana yang tersedia pada masa kini yang digunakan di Muzium Bugis :

- a. Penghawa dingin
- b. Lampu LED
- c. Kipas
- d. Kerusi rehat

Kemudahan utiliti yang disediakan pada Muzium Bugis ini adalah terhad, hal ini menjelaskan, kos pembiayaan untuk mengekalkan tahap penggunaan utiliti seperti penghawa dingin yang diletakkan di Muzium Bugis adalah tidak digunakan secara berpanjangan. Faktor ini juga adalah disebabkan masalah kewangan yang tidak stabil oleh pihak Muzium Bugis. Perkara ini juga menyebabkan kemudahan utiliti tidak dapat diperkembangkan sejajar kemahuan pihak muzium yang berhasrat untuk mengekalkan dan memajukan struktur permuziuman dan pameran di Muzium Bugis.

Melalui pemerhatian yang dilakukan di ruangan pameran di Muzium Bugis. Pengkaji telah mendapati beberapa kemudahan yang digunakan pada setiap ruangan blok bangunan. Penggunaan kipas, penghawa dingin, lampu LED dan kipas digunakan di setiap ruangan. Hal ini membolehkan ruangan pameran memberikan keselesaan kepada pengunjung dengan tahap suhu dan cahaya yang sederhana. Perkara ini juga menjadikan tahap pengawalan terhadap koleksi dan artifak dapat dijaga secara berterusan. Selain itu, penggunaan kerusi yang digunakan pada ruangan pameran utama adalah bagi memberikan ruang istirehat serta ruang pembacaan bahan ilmiah yang disediakan di Muzium Bugis.

#### **4.4 Cadangan Idea Pembaharuan Pada Muzium Bugis**

Melalui analisis kajian yang diperolehi oleh pengkaji, pengkaji telah mendapati kekurangan pada bahagian pameran koleksi di Muzium Bugis. Perkara ini berkait kepada perolehan maklumat dan data daripada kaedah pemerhatian yang dijalankan di Muzium Bugis. Idea pembaharuan ini adalah bertujuan untuk memaparkan lagi sistem pameran koleksi yang tersedia di Muzium Bugis agar ianya lebih maju seiring sektor permuziuman kini. Sektor permuziuman kini amat memfokuskan pada kemajuan teknologi kerana ianya adalah faktor kemajuan sesebuah muzium. Perangsangan penggunaan teknik pameran berdasarkan penggunaan teknologi kini amatlah diperlukan didalam Muzium Bugis bagi memberikan kesan yang baik terhadap pembangunan pameran koleksi di Muzium Bugis.

##### **4.4.1 Merangsangkan penggunaan media interaktif dalam pameran**

Pameran adalah menjadi salah satu wahana penting bagi sesebuah muzium dalam mengekal, mengumpul dan menyebarkan pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya melalui bantuan kaedah visual dan teknik-teknik yang menarik. Kaedah pameran yang digunakan pada Muzium Bugis pada masa kini adalah berada tahap yang sederhana. Hal ini menjelaskan, kekurangan tenaga pakar yang terlibat dalam pembangunan infrastruktur dan utiliti pada Muzium Bugis adalah menjadi faktor perkembangan kaedah pameran yang digunakan pada masa kini tidak diterapkan seperti penggunaan teknologi maklumat dan lain-lain. Hal ini juga disebabkan, ketiadaan bantuan kewangan serta sokongan daripada pihak yang berpengetahuan seperti agensi-agensi sama ada di bawah Kementerian atau kerjasama dari agensi-agensi luar juga menjadi faktor kaedah pameran yang digunakan adalah tidak berkembang. Perkara ini harus diambil kira dalam menjadi langkah dalam prosedur awal agar cadangan dan idea yang diusulkan dapat dilakukan secara menyeluruh serta mengikut piawaian yang betul dan tersusun.

Media interaktif ini adalah merujuk kepada produk dan perkhidmatan pada sistem yang berasaskan komputer digital yang bertindak balas untuk menyampaikan kandungan seperti teks, imej bergerak, animasi, video, audio

dan permainan video. Penggunaan media interaktif ini juga telah diterapkan menurut Bahagian Perkhidmatan Muzium, Jabatan Muzium Malaysia, bahagian pameran dan pengembangan adalah bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program pameran tetap, pameran sementara, pameran khas dan pameran bergerak di peringkat Jabatan, khidmat nasihat pameran, program outreach dan inreach (pengembangan), pendidikan muzium dan program pendokumentasian dalam bentuk fotografi dan video (<http://www.jmm.gov.my/ms/book/export/html/802>).

Antara penggunaan media interaktif yang boleh digunakan didalam kaedah pameran di Muzium Bugis seperti :

**a) Televisyen**

Penggunaan televisyen ini adalah media interaktif yang telah diterapkan didalam sektor permuziuman dalam mempamerkan informasi secara visual. Kaedah ini dapat menjelaskan secara langsung mengenai sesuatu maklumat artifak dan sejarah mengenai latar belakang suatu pameran. Penggunaan visual atau demonstrasi yang ditayangkan pada sesuatu maklumat akan meningkatkan kefahaman dan penejasaan mengenai sesuatu maklumat dan informasi secara langsung kepada pengunjung.



Rajah 4.7 : Televisyen

Sumber : <https://www.emily2u.com/muzium-muzik-malaysia-kuala-lumpur/>

### b) Augmented Reality (AR)

Penggunaan Augmented Reality (AR) merupakan teknik pameran yang mudah untuk digunakan oleh pengunjung. Antara penggunaan teknologi kini yang kian memberangsangkan seperti penggunaan Augmented Reality (AR) telah mencetuskan idea serta pembaharuan didalam meningkatkan daya inovasi dalam kemajuan sektor permuziuman. Antara kaedah penggunaan Augmented Reality (AR) melalui imbasan QR Code untuk membuka laman web rasmi dan sebagainya. Perkongsian maklumat mengenai pameran secara digital ini amatlah digalakkan sejajar dengan kesesuaian perisian maklumat. Perkara ini dapat memudahkan pengunjung untuk melihat maklumat mengenai muzium serta menjimatkan ruang dengan tayangan informasi secara digital.



Rajah 4.8 : Augmented Reality (AR)

Sumber : <http://www.muziumnegara.gov.my/>

### c) Laman Web

Laman web merupakan platform yang utama bagi sesebuah muzium untuk dijadikan sebagai medium perkongsian maklumat. Laman web rasmi yang disediakan ini akan memberikan kesan yang baik kepada sesebuah muzium serta menampilkan struktur permuziuman yang teratur dan tersusun. Dalam pada itu, laman web ini dapat menjadikan platform sebagai memaparkan gaya dan kreativiti pada konsep permuziuman yang digunakan dengan penggunaan tema yang menetapi kesesuaian sesebuah muzium serta ia dapat memudahkan masyarakat untuk menghubungi pihak muzium.



Rajah 4.9 : Laman Web Rasmi

Sumber : <http://www.muziumnegara.gov.my/>


## 4.5 Analisis Kajian Soal Selidik

Melalui kaedah soal selidik yang dilakukan kepada penduduk masyarakat setempat yang menetap di Kampung Rambah, Pontian. Sebanyak 30 orang responden yang diterima dan memberikan maklum balas dalam borang soal selidik. Analisis ini adalah bertujuan bagi mengenalpasti keadaan persekitaran serta dalaman pada Muzium Bugis terhadap pengunjung dan masyarakat. Kaedah soal selidik ini dapat melihat nilai purata masyarakat terhadap tahap kepuasan yang terdapat pada kualiti pameran, fasiliti dan utiliti yang disediakan di Muzium Bugis. Cadangan idea pembaharuan yang disediakan oleh penyelidik adalah bagi mengenalpasti idea pembaharuan yang diinginkan oleh masyarakat terhadap sistem pameran dan aktiviti luaran yang berkesan terhadap pembangunan Muzium Bugis. Selain itu, ini akan membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang ketiga iaitu analisis melalui cadangan terhadap pameran koleksi di Muzium Bugis.

### 4.5.1 Bahagian A (Profil Responden)

Melalui penggunaan borang soal selidik kepada responden, bahagian A ini menjelaskan mengenai purata profil responden melalui kategori jantina, umur, negeri asal dan pekerjaan responden. Purata kekerapan terhadap kategori ini akan dapat dilihat dengan kesesuaian pemilihan jawapan pada bahagian B dan C.


#### a) Jantina Responden



4.5.1 : Purata Jantina Responden

Borang soal selidik telah menunjukkan purata jantina responden diantara lelaki dan perempuan adalah sebanyak 70.4% lelaki dan 29.6% perempuan. Ini menunjukkan bahawa jantina lelaki bagi dikalangan responden adalah lebih ramai berbanding responden perempuan. Hal ini disebabkan kerana pengumpulan data purata jantina responden adalah lebih banyak kepada lelaki disebabkan populasi penduduk yang menggunakan telefon bimbit dikalangan penduduk, pekerja dan pelajar daripada golongan lelaki.


#### b) Umur Responden



4.5.2 : Purata Umur Responden

Purata umur responden yang menunjukkan beberapa kategori umur antaranya 17 tahun, 18 hingga ke 25 tahun, 26 hingga ke 35 tahun, 36 hingga ke 45 tahun dan 46 hingga ke 65 tahun. Melalui purata yang diterima telah menunjukkan kekerapan tertinggi adalah terhadap kategori umur 18 hingga ke 25 tahun berbanding kategori umur yang lain. Hal ini berlaku kerana dapat purata umur responden yang lebih ramai pada kategori umur 18 hingga ke 25 tahun sebanyak 74.1% disebabkan oleh purata golongan pelajar yang aktif didalam mengambil bahagian pengisian borang responden.


c) Negeri Asal Responden



4.5.3 : Purata Asal Negeri Responden

Purata asal negeri dikalangan responden telah dapat diperolehi melalui kajian dan analisis borang soal selidik ini. Purata yang telah menunjukkan beberapa negeri yang terdapat di Malaysia. Carta pai telah menunjukkan kekerapan terhadap dua negeri berbanding negeri lain sebagai tempat asal kelahiran responden. Purata tertinggi bagi asal negeri responden adalah di Negeri Johor sebanyak 37% berbanding Negeri Selangor sebanyak 22.2%. Perkara ini berlaku disebabkan purata asal negeri responden adalah lebih ramai pada negeri Johor disebabkan kedudukan penduduk yang menetap samada didalam bidang pekerjaan, pendidikan dan sebagainya serta mempunyai pengetahuan dan pengalaman terhadap keberadaan Muzium Bugis.

d) Pekerjaan Responden




4.5.4 : Purata Pekerjaan Responden

Purata pekerjaan dikalangan responden telah diperolehi melalui peratusan dalam kajian soal selidik ini. Carta pai yang menunjukkan beberapa kategori pekerjaan antaranya pekerja kerajaan, pekerja swasta dan pelajar. Carta pai telah menunjukkan peratusan tertinggi adalah terhadap responden dikalangan pelajar sebanyak 66.7% berbanding peratusan pekerja swasta dikalangan responden sebanyak 29.6%. Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh golongan pekerja kerajaan yang mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan penubuhan Muzium Bugis dan juga kekerapan pekerja kerajaan dalam membangunkan institusi permuziuman ke arah yang lebih baik.

#### **4.5.2 Bahagian B (Mengenalpasti tahap kepuasan pengunjung terhadap Muzium Bugis)**

Melalui borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji. Pengkaji telah membahagikan dua bahagian soalan yang mengandungi dua topik soalan yang memfokuskan kepada pengenalpastian tahap kepuasan pengunjung terhadap Muzium Bugis dan faktor idea pembaharuan terhadap perkembangan Muzium Bugis. Bahagian B ini menjelaskan mengenai pemerhatian responden terhadap tahap kepuasan di Muzium Bugis. Berikut merupakan beberapa soalan dan carta pai yang menunjukkan peratusan kekerapan responden ;


- a) Adakah penggunaan kaedah pameran koleksi di Muzium Bugis sesuai digunakan pada sektor permuziuman kini ?



4.5.5 : Purata Persetujuan Responden

Carta pai telah menunjukkan peratusan kekerapan responden adalah secara keseluruhan terhadap sesuai sebanyak 96.3% berbanding tidak sesuai dengan kaedah pameran koleksi di Muzium Bugis yang sesuai digunakan pada sektor permuziuman kini. Perkara ini telah menjelaskan bahawa pengumpulan purata yang lebih banyak terhadap bersetuju sebanyak 96.3% disebabkan pemerhatian yang dilakukan oleh responden pada pameran koleksi di Muzium Bugis adalah dipamerkan secara baik serta ianya memberikan pemahaman secara langsung memberikan pengetahuan kepada pengunjung.

- b) Adakah teknik pameran yang digunakan di Muzium Bugis menjadi faktor kepada kedatangan pengunjung ?




4.5.6 : Purata Persetujuan Responden

Penganalisan data yang telah diperolehi melalui purata kekerapan responden adalah lebih cenderung kepada bersetuju iaitu sebanyak 92.6% berbanding tidak bersetuju sebanyak 7.4% terhadap teknik pameran yang digunakan di Muzium Bugis sebagai faktor kepada kedatangan pengunjung. Perkara ini telah menjelaskan bahawa purata persetujuan responden yang lebih banyak didapati kepada bersetuju sebanyak 92.6% disebabkan oleh pemerhatian yang dilakukan oleh responden terhadap kaedah pameran koleksi di Muzium Bugis yang disusun secara teratur, ini memberikan gambaran bahawa purata bersetuju adalah lebih banyak disebabkan oleh idea penyusunan koleksi yang dipamerkan adalah dilakukan secara baik serta memberikan penjimatan ruang dan keselesaan kepada pengunjung. Namun, sebanyak 7.4% purata responden didalam tidak bersetuju disebabkan oleh teknik pameran koleksi yang

digunakan di Muzium Bugis masih tidak seiring dengan kemajuan sektor permuziuman kini yang lebih maju.


- c) Adakah penyediaan fasiliti dan utiliti seperti (tandas, ruangan solat) memberikan keselesaan kepada pengunjung ?



4.5.7 : Purata Persetujuan Responden

Melalui carta pai yang menunjukkan persetujuan responden terhadap penyediaan fasiliti dan utiliti seperti (tandas, ruang solat) memberikan keselesaan kepada pengunjung. Purata persetujuan responden telah menunjukkan persetujuan responden adalah bersetuju secara menyeluruh sebanyak 96.3%. Perkara ini telah menjelaskan bahawa keselesaan pengunjung terhadap fasiliti yang disediakan di Muzium Bugis adalah mencukupi kerana ianya merupakan salah satu faktor pengurusan sesebuah permuziuman diselenggara dengan langkah yang baik. Keselesaan fasiliti ini amatlah penting bagi mengelakkan daripada pengunjung merasakan kesukaran ketika didalam keadaan kecemasan serta ianya boleh ditambah baik dengan idea dan cadangan pembaharuan terhadap fasiliti di Muzium Bugis.


- d) Adakah maklumat mengenai koleksi yang dipamerkan memberikan penerangan yang jelas kepada pengunjung ?



4.5.8 : Purata Persetujuan Responden

Carta pai telah menunjukkan kekerapan yang lebih cenderung kepada bersetuju iaitu sebanyak 81.5% 11.1% kepada tidak dan 0% adalah tidak pasti. Purata yang menunjukkan sebahagian besar kepada bersetuju sebanyak 82.5% terhadap maklumat mengenai koleksi yang dipamerkan memberikan penerangan yang jelas kepada pengunjung. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kadar pemahaman dan pengetahuan yang diberikan pada setiap kandungan maklumat sesuatu koleksi adalah dijelaskan secara ringkas dan padat, namun ianya perlu diperbaiki dengan menambah kaedah media interaktif didalam memberikan gambaran secara visual berkenaan maklumat sesuatu koleksi serta ianya mudah difahami oleh pengunjung.

- e) Penggunaan alat pameran seperti (rak kaca) yang mempamerkan koleksi menjadikan pameran koleksi di Muzium Bugis lebih menarik ?




4.5.9 : Purata Persetujuan Responden

Carta pai telah menunjukkan kekerapan tertinggi responden adalah terhadap bersetuju iaitu sebanyak 85.2 % berbanding tidak bersetuju iaitu sebanyak 14.8%. Purata ini menunjukkan responden adalah lebih bersetuju terhadap penggunaan alat pameran seperti (rak kaca) yang mempamerkan koleksi menjadikan pameran koleksi di Muzium Bugis lebih menarik. Purata persetujuan responden yang didapati lebih ramai adalah bersetuju disebabkan oleh penggunaan alat pameran yang dapat mempamerkan koleksi secara jelas. Namun, purata persetujuan responden yang tidak bersetuju sebanyak 85.2% adalah menunjukkan bahawa kekurangan alat pameran koleksi yang lebih maju pada ruangan pameran koleksi seiring dengan penggunaan alat pameran yang lebih menarik digunakan oleh sektor permuziuman yang maju kini.

#### **4.5.3 Bahagian C (Faktor idea pembaharuan terhadap perkembangan Muzium Bugis)**

Pada bahagian C ini, pengkaji telah memberikan beberapa pilihan cadangan terhadap idea pembaharuan yang boleh digunakan bagi perkembangan Muzium Bugis. Pengkaji telah mengaitkan sasaran objektif kajian yang ketiga ini bagi mengenalpasti secara terperinci terhadap pemerhatian responden pada soal selidik. Berikut merupakan beberapa persoalan yang dinyatakan didalam borang soal selidik kepada responden ;


- a) Apakah program yang dapat membantu Muzium Bugis untuk lebih dikenali dan menarik kedatangan pengunjung ?



4.5.10 : Purata Persetujuan Responden

Carta pai telah menunjukkan beberapa pilihan jawapan dan purata persetujuan responden terhadap program yang dapat membantu Muzium Bugis untuk lebih dikenali dan menarik kedatangan pengunjung. Melalui purata persetujuan responden, sebanyak 46.2% lebih cenderung kepada program masyarakat Bugis, manakala sebanyak 34.6% terhadap anjuran kursus maklumat mengenai Muzium Bugis dan 11.5% terhadap aktiviti sukaneka.


b) Apakah idea penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi menjadikan kualiti pameran koleksi di Muzium Bugis lebih kehadapan ?



4.5.11 : Purata Persetujuan Responden

Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, purata persetujuan responden telah mendapati sebanyak 73.1% adalah cenderung terhadap menambahbaik fasiliti dan utiliti seperti (penghawa dingin, televisyen dan audio). Manakala responden yang memilih mengubah suai struktur bangunan yang lebih moden adalah sebanyak 11.5%. Persetujuan ini adalah memfokuskan terhadap idea penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi menjadikan kualiti pameran koleksi di Muzium Bugis lebih kehadapan.


- c) Antara pilihan jawapan tersebut, apakah langkah yang terbaik bagi mendekatkan kewujudan Muzium Bugis ?



4.5.12 : Purata Persetujuan Responden

Carta pai ini telah menunjukkan kekerapan responden pilihan idea dan pembaharuan yang sesuai. Melalui carta pai, sebanyak 92.6% responden memilih media massa (Instagram, Facebook dan Email). Manakala, sebanyak 7.4% dipilih oleh responden iaitu televisyen. Purata ini menunjukkan idea dan cadangan bagi menentukan langkah yang terbaik bagi mendekatkan kewujudan Muzium Bugis.

- d) Antara penambahan pihak berkepentingan, apakah pihak yang perlu diwujudkan di pengurusan Muzium Bugis ?




4.5.13 : Purata Persetujuan Responden

Carta pai yang telah menunjukkan purata pilihan idea dan cadangan bagi pihak yang perlu diwujudkan di pengurusan Muzium Bugis. Purata kekerapan yang menjadi pilihan melalui pemerhatian pada carta pai, sebanyak 48.1%

responden yang memilih ahli konservasi. Manakala, sebanyak 33.3% bagi pihak kurator, 11.1% bagi penjaga muzium dan 7.4% bagi pembantu muzium.

- e) Adakah penggunaan media interaktif seperti (televisyen, audio) memberikan kesan yang baik pada kualiti pameran ?



4.5.14 : Purata Persetujuan Responden

Carta pai yang telah memperolehi purata kekerapan responden terhadap idea dan cadangan bagi menentukan kesesuaian bagi penggunaan media interaktif seperti (televisyen, audio) yang boleh memberikan kesan yang baik pada kualiti pameran. Melalui pemerhatian yang dilakukan pada carta pai, ianya telah menunjukkan kesuluruhan responden bersetuju dengan sebanyak 96.3%.

## 4.6 Hasil Perbincangan

Analisis kajian telah menunjukkan objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji adalah telah berjaya dengan pengumpulan data dan maklumat mengenai pengurusan koleksi warisan Bugis yang digunakan sehingga kini. Hasil capaian objektif kajian yang diterima ini mengenai kaedah pengurusan koleksi yang diterapkan ini telah memberikan gambaran yang lebih jelas tentang gerak-geri dan susun atur kerja di Muzium Bugis. Melalui analisis kajian soal selidik, pengkaji telah mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai pandangan responden yang mencadangkan beberapa idea dan pembaharuan terhadap pengurusan di Muzium Bugis serta pandangan mengenai kaedah pameran yang digunakan di Muzium Bugis. Melalui analisis perbincangan ini, pengkaji telah melihat kekerapan yang berlaku mengikut pandangan responden yang

mencadangkan beberapa idea pembaharuan antaranya meningkatkan daya tarikan pengunjung dengan membuat program masyarakat Bugis, menambahbaik kualiti pameran koleksi dengan menambahbaik fasiliti dan utiliti seperti (penghawa dingin, televisyen dan audio), meningkatkan kewujudan Muzium Bugis dengan informasi serta maklumat di media massa (Instagram, Facebook dan Email) dan mewujudkan pihak berkepentingan seperti ahli kurator.

#### **4.7 Rumusan Bab**

Pada akhir rumusan, kajian yang dilakukan terhadap pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis telah menjadi faktor pengenalpastian kekurangan dan kelebihan yang terdapat pada pengurusan muzium. Bagi objektif yang pertama, pengkaji telah memperoleh maklumat yang sahih dan terperinci mengenai pengurusan yang dijalankan pada masa kini berbanding pengurusan lama. Perubahan ini juga menjadikan transformasi yang ketara untuk memperoleh kualiti permuziuman seperti pameran yang memuaskan serta bidang pengurusan permuziuman yang lengkap dan tersusun. Selain itu, objektif yang kedua telah menjelaskan konsep dan susun atur pameran yang digunakan oleh pihak Muzium Bugis. Hal ini demikian telah memberikan gambaran terhadap faktor kenaikan taraf dan aspek-aspek yang boleh diperbaharui bagi mempertingkatkan hasil pameran koleksi yang lebih maju. Perincian maklumat pada objektif ini telah merungkaikan asas pembinaan Muzium Bugis dan pendokumentasian terhadap struktur binaan bangunan Muzium Bugis bagi pengumpulan maklumat yang terkini melalui setiap pembaharuan yang dilakukan di Muzium Bugis. Selain itu juga, kemudahan prasarana dan utiliti yang sedia ada ini telah menjadi faktor yang jelas kepada pengkaji untuk mendapatkan idea pembaharuan serta cadangan yang boleh diusulkan kepada pihak Muzium Bugis untuk menjadikan konsep muzium dan hasil pameran yang memuaskan seperti penggunaan media interaktif.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan rumusan kajian secara menyeluruh melalui fokus kajian yang dilakukan mengenai pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis Pontian. Rumusan kajian telah diperoleh melalui beberapa objektif kajian yang telah dilakukan bagi memperhalus kekurangan serta kekuatan yang ada pada konsep dan kaedah pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis untuk dibaik pulih dan dinaik taraf secara berkesan. Pengkaji juga telah mencadangkan beberapa idea pembaharuan terhadap konsep dan kaedah pengurusan pameran koleksi selain mempertingkatkan kualiti pameran yang terdapat pada Muzium Bugis.

#### 5.2 Cadangan

Muzium Bugis merupakan sebuah permuziuman di bawah pengelolaan ahli keluarga Allahyarham Abdullah Bin Ahmad, pemilik Muzium Bugis dan diuruskan secara persendirian. Hal ini telah menjelaskan bahawa keperluan bagi menerapkan sesuatu pengurusan koleksi yang lebih sistematik amatlah baik bagi perkembangan dan pembangunan pengurusan yang sedia ada di Muzium Bugis seiring kemajuan sektor permuziuman kini. Melalui analisis kajian, pengkaji telah mendapati beberapa penambahbaikan pada gerak kerja pelan pembangunan di Muzium Bugis. Namun, kesemua pelan perancangan yang dibuat amatlah perlu untuk diselaraskan mengikut prosedur dan dasar yang baik agar memperoleh hasil perolehan idea pembaharuan. Antara keperluan di dalam mewujudkan prosedur dan dasar yang baru di dalam pengurusan Muzium Bugis adalah mementingkan aspek pendidikan dan mewujudkan dasar-dasar permuziuman yang lebih mapan. Perkara ini akan membantu pihak pengurusan Muzium Bugis dalam mencapai idea pembaharuan dan pelan pembangunan yang dinamik.

### 5.2.1 Menghubungkan capaian masyarakat melalui aspek pendidikan

Sesebuah muzium menjadi keperluan dalam mementingkan aspek pendidikan kepada masyarakat, pemeliharaan dan pengekalan warisan sejarah, kebudayaan, alam semulajadi dan pelancongan. Oleh hal yang demikian, Muzium Bugis wajar memainkan peranan yang begitu penting terutama dalam menekankan aspek pendidikan yang kini menjadi faktor kepada idea perkembangan dan pembaharuan sesuatu nilai warisan dan juga boleh diterapkan di dalam kalangan masyarakat untuk lebih mengenali dan mendekati sesuatu warisan. Melalui pengurusan sesebuah muzium, penekanan mengenai aspek pendidikan adalah berdasarkan kepada prosedur dan dasar yang ditetapkan bagi mengelakkan daripada berlakunya percanggahan terhadap landasan struktur organisasi yang selari pada misi, objektif dan fungsi muzium. Ini adalah bagi menetapkan struktur pelan perancangan yang seajar untuk memperoleh hasil pencapaian idea pembaharuan yang baik serta tersusun. Antara aspek pendidikan yang perlu disasarkan melalui beberapa elemen, ianya adalah termasuk kepada mementingkan nilai masyarakat, pemeliharaan dan pengekalan warisan sejarah, kebudayaan, alam semula jadi dan pelancongan.

#### a) Nilai masyarakat dan pendidikan

Bidang permuziuman kini amatlah terjejas terhadap faktor persekitaran yang kerap melibatkan penduduk dan masyarakat sekeliling. Antara penyebab dan penyumbang terhadap kekurangan pengunjung pada sesuatu tempat warisan adalah disebabkan kekurangan pengetahuan serta pengalaman seseorang dalam menceburi sesuatu nilai warisan yang telah wujud sekian lama. Hal ini merupakan faktor pertama yang perlu untuk diatasi sebelum melakukan sebarang pelan perancangan dengan menilai sesuatu kepadatan penduduk dan persekitaran sesuatu tempat. Muzium Bugis merupakan sebuah muzium yang berada di Kampung Rambah, Pontian dan mempunyai kepadatan penduduk yang ramai terutama didalam daerah Pontian yang mampu diberikan perhatian dan penekanan terhadap masyarakat mengenai kewujudan sebuah warisan

koleksi masyarakat Bugis yang masih dipelihara sehingga kini. Selain daripada itu, aspek pendidikan yang perlu dilihat dalam memastikan pengetahuan mengenai sejarah warisan kaum Bugis sampai kepada masyarakat. Penekanan ini harus diberikan terutama didalam pengetahuan am mengenai sejarah kaum Bugis seperti menjadi topik dalam silibus buku Sejarah pada setiap peringkat sekolah di dalam subjek Sejarah. Ini juga akan memperluaskan ilmu dan pengetahuan secara tepat dalam menyampaikan maklumat terutama kepada seseorang pelajar mahupun masyarakat agar ianya menambahkan minat apabila pengetahuan yang diperoleh mengenai kaum Bugis dibawa kepada praktikal sesuatu budaya. Pengurusan Muzium Bugis harus memainkan peranan yang begitu penting dalam mengetengahkan sektor pendidikan seperti membuka peluang kepada para pelajar dan guru di setiap sekolah untuk melakukan lawatan sambil di Muzium Bugis.

**b) Pemeliharaan dan pengekalan warisan sejarah**

Sesebuah muzium adalah tempat pengumpulan koleksi lama yang perlu dipelihara dan dibaik pulih sesuai dengan kondisi sesuatu alatan lama. Hal ini menjelaskan bahawa pengekalan sesuatu koleksi adalah menjadi faktor kepada perkembangan sesebuah muzium, hal ini kerana ianya merupakan faktor terpenting terhadap nilai sesuatu muzium yang menjaga barang warisan seperti koleksi supaya ianya kekal pada asal usulnya dan tidak mengalami kerosakan yang maksimal. Selain itu, warisan sejarah lampau yang diwarisi sejak turun temurun adalah perkara yang begitu penting supaya ianya tidak dilupakan dan ditelani oleh arus kemodenan kini. Masyarakat Bugis yang masih mewarisi adat warisan dan budaya menjadi faktor terpenting untuk memperkembangkan nilai warisan kaum Bugis sehingga kini. Bukan pada kewujudan muzium sahaja, namun pegangan terhadap adat dan budaya pada kaum Bugis yang masih wujud sehingga kini perlu diteruskan sehingga dapat diwarisi dan dipraktikalkan oleh generasi yang akan datang. Kepentingan ini perlu

diwujudkan di dalam visi dan misi yang diterapkan pada capaian pengurusan di Muzium Bugis dalam sasaran memperkembangkan warisan sejarah Bugis bukan sahaja pada pengumpulan koleksi, namun aktiviti yang melibatkan masyarakat untuk menarik minat mereka dalam sejarah kaum Bugis.

### c) Kebudayaan dan pelancongan

Kebudayaan kini menjadi medium kepada sesuatu warisan yang mampu menambahkan daya tarikan masyarakat terhadap sesuatu budaya. Hal ini kerana, langkah yang digunakan dalam memberikan penekanan masyarakat terhadap kebudayaan suatu kaum adalah lebih efisien melalui teknik persembahan seperti tarian tradisional, pakaian tradisional, permainan tradisional dan sebagainya. Langkah ini juga merupakan faktor terpenting dalam memperkembangkan sektor pelancongan di dalam sesebuah kawasan. Namun, ianya harus dikekalkan sesuai pada kesinambungan tamadun dan asal usul supaya ianya tidak akan lupa terhadap asal usul. Antara kesan yang begitu baik terhadap perkembangan suatu kebudayaan pada sesuatu tempat seperti dapat menjalinkan sesuatu persefahaman kaum, memupuk semangat kebangsaan, membentuk identiti kebangsaan dan memperkaya nilai hidup rakyat. Hal ini menjelaskan lagi, dengan kewujudan Akta Warisan Negara 2005, ini akan memudahkan proses mengenalpasti dan menentukan bangunan dan tapak yang mempunyai kepentingan sejarah untuk diwartakan sebagai zon bersejarah. Dengan adanya akta seperti ini, ianya akan memberikan banyak faedah serta kemudahan kepada pengurusan Muzium Bugis dalam memperkembangkan warisan Bugis di peringkat yang lebih tinggi disamping dapat menarik kedatangan pelancong di Muzium Bugis serta menjadi kebanggaan kepada kaum Bugis pada masa kini.

### 5.2.2 Mewujudkan dasar-dasar permuziuman di Muzium Bugis

Pengurusan muzium merupakan suatu pihak yang begitu penting dan bertanggungjawab dalam menguruskan segala hal yang berkaitan dengan gerak kerja suatu perancangan dan pelan pembangunan kepada sesebuah muzium. Perkara ini boleh dijelaskan lagi melalui pengurusan yang digunakan di Muzium Bugis, melalui kajian yang dilakukan didalam bab 4, ianya telah menjelaskan beberapa elemen yang berkaitan dengan dasar dan prosedur yang digunakan oleh pihak pengurusan Muzium Bugis. Melalui dapatan kajian yang diperolehi, pengurusan di Muzium Bugis yang dilakukan adalah secara permilikan persendirian oleh anak-anak kepada Allahyarham Abdullah Bin Ahmad. Selain daripada itu, prosedur pengurusan penerimaan koleksi semasa dibawah penjagaan Allahyarham Abdullah Bin Ahmad adalah melalui nilai dan warisan yang terdapat pada sesuatu koleksi yang diterima hasil pemberian oleh orang-orang di Makassar, Indonesia yang merupakan masyarakat Bugis yang menyimpan koleksi dan artifak masyarakat Bugis secara turun-temurun. Selain daripada itu, sistem pengurusan pameran koleksi di Muzium Bugis adalah dilakukan melalui idea pembaharuan dan perancangan seperti yang dilakukan oleh cadangan Majlis Perbandaran Daerah Pontian di dalam memberikan idea penyusunan yang lebih menarik pada tahun 2018 dan 2021.

Hasil daripada perolehan data, pihak pengurusan Muzium Bugis harus untuk memenuhi keperluan yang tersedia di dalam melengkapkan dasar dan prosedur yang telah ditetapkan sepetimana saranan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Kelengkapan dasar dan prosedur yang dapat dilakukan oleh sesebuah muzium ini dapat memberikan pembangunan yang sistematik dan tidak mengakibatkan sebarang risiko terhadap idea pembaharuan yang dirancang sekiranya ia dilakukan secara betul dan tepat. Pengurusan muzium yang lebih mengutamakan dalam landasan struktur organisasi yang berpandukan dasar dan prosedur yang selari dan seiring dengan objektif, visi, misi dan fungsi muzium akan memberikan kaedah pengurusan yang lebih dinamik. Melalui saranan yang diberikan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM), dasar-dasar yang telah ditetapkan sebagai tanda aras kepada sesebuah

muzium agar ianya dapat diselenggarakan dan dipandu dengan betul, antara dasar-dasar yang perlu dilakukan adalah dasar perolehan koleksi, dasar penyelidikan, teknik dan konsep pameran, kaedah konservasi serta program pendidikan dan pengembangan permuziuman. Dasar-dasar ini adalah begitu penting untuk diterapkan dan dibuat terutama kepada pengurusan di Muzium Bugis kerana ianya akan membantu perkembangan serta perancangan melalui idea pembaharuan dapat dilakukan. Muzium Bugis perlu untuk mewujudkan dasar-dasar ini dengan langkah yang kompleks dengan mementingkan beberapa faktor, antaranya bantuan dana atau kewangan, sokongan pihak berkuasa dan pelan perancangan serta hubungan bersama pihak kerajaan dalam memperkembangkan pengurusan yang lebih bersepadu di Muzium Bugis. Antara dasar yang masih belum diwujudkan di pengurusan Muzium Bugis adalah dasar penyelidikan dan kaedah konservasi ;

### a) Dasar Penyelidikan

Melalui analisis kajian, pengurusan di Muzium Bugis kurang melakukan dan menerapkan beberapa dasar permuziuman antaranya dasar penyelidikan. Hal ini berlaku disebabkan oleh kekurangan tenaga pakar dan ahli kurator yang dapat memberikan idea dan tenaga untuk melakukan penyelidikan secara berperingkat di Muzium Bugis. Bukan itu sahaja, kepakaran yang sedia ada di Muzium Bugis adalah tidak dapat menguasai keseluruhan dasar dan prosedur didalam bidang permuziuman yang sempurna kerana ianya adalah terhad serta mempunyaikekangan masa. Namun, hal ini dapat atasi sekiranya perhatian dapat diberikan oleh pihak berkepentingan dalam membangunkan pengurusan yang lebih baik di Muzium Bugis. Dasar penyelidikan ini mampu memberikan kesan yang baik terhadap perkembangan pengurusan di Muzium Bugis dengan mementingkan perolehan ilmu dan ilmiah melalui beberapa kajian. Penyelidikan ini juga membantu dalam mengenalpasti kekurangan yang terdapat pada pengurusan koleksi yang ada pada Muzium agar ianya dapat diperkembangkan karah yang lebih maju dan seiring terhadap sektor permuziuman kini.

### b) Kaedah Konservasi

Melalui analisis kajian yang dilakukan, kekurangan didalam mementingkan bidang konservasi di dalam pengurusan Muzium Bugis menyebabkan barang serta koleksi tidak dapat diselenggarakan dengan tepat mengikut kaedah dan cara pemeliharaan dan pemuliharaan artifak melalui kaedah konservasi. Hal ini berlaku disebabkan, kekangan kewangan yang dihadapi oleh pengurusan di Muzium Bugis menyebabkan kaedah pengawalan terhadap kondisi barang koleksi adalah terhad, malah ianya dilakukan berdasarkan kepakaran yang sedia ada. Kepakaran yang sedia ada ini mampu dikekalkan dalam jangka masa yang tidak lama. Perkara ini telah menjelaskan bahawa sokongan daripada pihak berkepentingan adalah begitu penting bagi mewujudkan dasar konservasi yang mampu memelihara barang dan artifak lama yang disimpan di Muzium Bugis daripada mengalami sebarang kerosakan yang maksimal, ia juga perlu diatasi melalui pemerhatian terhadap faktor persekitaran yang terdapat di dalam Muzium Bugis yang memberikan kesan terhadap kondisi artifak.

### 5.3 Rumusan Kajian

Melalui kajian ini, rumusan kajian yang didapati adalah berkait rapat dengan objektif kajian. Berdasarkan objektif kajian yang pertama, pengkaji telah mengenalpasti sistem pengurusan pameran koleksi yang digunakan di Muzium Bugis seperti yang telah dinyatakan didalam bab 4. Objektif kajian yang kedua, pengkaji telah memperolehi pendekatan kemudahan prasarana dan susun atur pameran koleksi di Muzium Bugis. Perkara ini adalah amat penting untuk menjadi faktor mengenalpasti analisis (SWOT) pada konsep dan kaedah pameran koleksi yang digunakan. Ia juga dapat memperlihatkan kebolehan yang terdapat pada sistem pameran koleksi sedia ada yang mempunyai asal usul tersendiri dan melihat peluang dalam memperbaharui konsep pameran yang lebih maju dan mampu menambahkan daya tarikan pada Muzium Bugis.

Perkara ini adalah selaras dengan objektif yang ketiga iaitu mempertingkatkan idea melalui cadangan terhadap pameran koleksi di Muzium Bugis.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## RUJUKAN

### Buku

1. Mohd. Yusof Md. Noh, (2016) “Salasilah Melayu dan Bugis”, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Diperolehi di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok

### Internet

- 1.Faozan Tri Nugroho, (23 Mac 2022). “Pengertian Pameran Menurut Ahli, Tujuan, Fungsi, Manfaat, dan Jenis-jenisnya”. Diakses pada 18 Jun 2022. Atas talian :  
<https://www.bola.com/ragam/read/4919009/pengertian-pameran-menurut-ahli-tujuan-fungsi-manfaat-dan-jenis-jenisnya>
2. Bernama, (6 November 2019). “Muzium Bugis Tarikan di Parlimen Tanjung Piai”. Diakses pada 16 Jun 2022. Atas talian :  
<https://www.sinarharian.com.my/article/55845/EDISI/Johor/Muzium-Bugis-tarikan-di-Parlimen-Tanjung-Piai>
- 3.Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor, (2017). “Data Asas Negeri Johor”. Diakses pada 18 Jun 2022. Atas talian :  
<https://bpen.johor.gov.my/wp-content/uploads/2019/03/DATA-ASAS-NEGERI-JOHOR-2017.pdf>
- 4.Rahilah Omar, Khazin Mohd. Tamrin, Nordin Hussin Dan Nelmawarni, (2009). “Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis Ke Tanah Melayu : Kajian Kes Di Johor”. Diakses pada 12 Jun 2022. Atas talian :  
<http://jurnalarticle.ukm.my/359/1/1.pdf>
- 5.Portal Rasmi Majlis Perbandaran Pontian, “Muzium Bugis”. Diakses pada 15 Jun 2022. Atas talian :  
<https://www.mdPontian.gov.my/ms/muzium-bugis-0>

6.Borne History, (21 April 2016). “Asal Usul Orang Bugis”. Diakses pada 13 Jun 2022. Atas talian :

<https://borneohistory57.blogspot.com>

7.Bahagian Perkhidmatan Muzium Jabatan Muzium Malaysia, “Pameran”. Diakses pada 14 Jun 2022. Atas talian :

<http://www.jmm.gov.my/ms/content/pameran>

8.Kementerian Pelancongan Seni Dan Budaya, (6 April 2021). “Dasar Permuziuman Negara Dan Kempen Kembali Ke Muzium”. Diakses pada 16 Jun 2022. Atas talian :

<https://www.motac.gov.my/media2/siaran/dasar-permuziuman-negara-dan-kempen-kembali-ke-muzium>

9.Khir Khalid, (15 Jun 2016). “Muzium Bugis : Khazanah Sejarah Johor Dan Malaysia”. Diakses pada 16 Jun 2022. Atas talian :

<https://khirkhalid.com/muzium-bugis-arkib-khazanah-sejara/>

10.Norlaila Binti Atan, (2015). “Pengurusan Pemeliharaan Koleksi Muzium di Muzium Bugis, Pontian, Johor”. Diakses pada 16 Jun 2022, Atas talian :

<https://ir.unimas.my/id/eprint/18444/>

11.“Daerah Pontian, Malaysia - Perangkaan”. Diakses pada 15 Jun 2022. Atas talian :

<https://ms.zhujiworld.com/my/971147-daerah-pontian/>

12.Diakses pada 15 Jun 2022. Atas talian :

<https://brainly.co.id/tugas/14191935>

13.Diakses pada 15 Jun 2022. Atas talian :

<https://www.google.com/maps/place/Pontian+District,+Johor/@1.5147563,103.1035079,10z/>

## LAMPIRAN



Pengkaji dan pemilik Muzium Bugis, Puan Indra

Sumber : Kajian Lapangan, 4 Oktober 2022



Koleksi Masyarakat Bugis

Sumber : Kajian Lapangan, 4 Oktober 2022